

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"BRUNEI Darussalam adalah sebuah negara merdeka. Kita selaku rakyat dan penduduk adalah dituntut untuk membebaskan diri daripada segala sikap yang merugikan. Di antara sikap merugikan itu ialah, suka berpeluk tubuh dan ketandusan semangat patriotik."
- Titah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32, Tahun 2016.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DARI Anas katanya :
Rasulullah Sallallahu
Alaihi Wasallam bersabda :
Setiap anak adam itu
ada kesilapan (dosa)
dan orang yang berdosa
yang terbaik adalah
mereka yang bertaubat."
- (Riwayat Al-Imam
At-Termizi.)

TAHUN 61 / BILANGAN 29

7 MAC 2016 / 1437 جمادى الأول

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Istiadat Pembukaan Rasmi Permesyuaratan Ke-12 MMN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengurniakan titah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2016 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis. - Foto : Hamzah Mohidin (Lihat muka 3, 4, 12 dan 13).

Ubah strategi perusahaan



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, sudah tiba masanya negara mengubah strategi perusahaan daripada hanya semata-mata mencapai sara diri atau *self-sufficient* kepada berasaskan eksport.

Negara, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sudah mempunyai rangkaian-rangkaian pemangkin serantau dan antarabangsa seperti BIMP-EAGA, ASEAN, APEC dan baru-baru ini TPP bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi.

"Apa yang tinggal ialah usaha-usaha mantap ke arah kejayaan, kita perlu cekap merebut peluang-peluang yang ada, kerana itu beta menyeru supaya para pengusaha tempatan dapat berdaya saing untuk meraih kejayaan melalui peluang-peluang yang sedia ada, bukan sahaja bagi merebut peluang-peluang yang ada dalam negara malah lebih jauh peluang-peluang serantau dan

antarabangsa," titah baginda pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Alhamdulillah, titah baginda, Pelaburan Langsung Asing (FDI) telah mula beroperasi di negara ini dan terdapat beberapa lagi pelaburan baharu yang masih dalam penelitian.

Oleh itu, baginda seterusnya menyarankan supaya usaha-usaha untuk memudah cara aktiviti perekonomian negara terus dipertingkatkan dan diperkembangkan.

Pada hemaat baginda, kita masih boleh dan mampu untuk melakukan yang terbaik dengan syarat kita tidak mengambil sikap mudah

berpuas hati dengan pencapaian-pencapaian yang ada.

Dalam pada itu, baginda juga bertitah agar perhatian perlu diberikan kepada bagaimana untuk memperkasa ekonomi oleh kerajaan sendiri termasuk bagi sektor swasta.

Pada setakat ini, titah baginda, dasar kerajaan ialah memperkasa sektor swasta, yang mana kerajaan telah mengambil langkah-langkah konkrit untuk membantu

memperbaiki persekitaran perniagaan termasuk infrastruktur, perundangan yang pro bisnes.

Misalnya, tambah baginda, pendaftaran syarikat perniagaan sekarang sudah boleh dibuat secara *online* dalam tempoh hanya satu hari sahaja, sementara lesen perniagaan pula tidak diperlukan lagi bagi sebahagian jenis perniagaan.

Ke muka 4



Muka 5

GENERASI muda perlu
memperkasa isu global



Muka 6

BERANGKAT ke Majlis Sambutan
WTD 2016 PPPBD

Tingkatkan prestasi kerja, kualiti kepimpinan

Bismillahir Rahmannir Rahim

A ssalamu'alaikum
W arahmatullahi W abarakatuh

ALHAMDULILLAH segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan izin-Nya jua, kita dapat sama-sama hadir di Majlis Penyampaian Sijil Kepada Peserta-Peserta Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-23 dan Pegawai-Pegawai Peringkat Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-22 & Ke-23 Tahun 2015 pada petang ini.

Terlebih dahulu, peramba / saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Awam di atas ingatan baik mengundang peramba / saya hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya memberi ucapan dan menyampaikan sijil-sijil kepada peserta-peserta Program Pembangunan Eksekutif.

Pada kesempatan ini, peramba / saya juga merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Universiti Brunei Darussalam atas inisiatif dan usaha berterusan dalam mengukayakan Program Pembangunan Eksekutif ini untuk terus menggalakkan dan memacu peningkatan kualiti dan keteladanan kepimpinan dan pengurusan di kalangan pegawai-pegawai kanan kerajaan. Jelas sekali, program yang bernilai ini adalah suatu wadah bagi mengasuh dan menggilap pegawai-pegawai kanan kerajaan yang berketerampilan dan berkepimpinan untuk menerajui jentera pentadbiran kerajaan pada masa kini dan mendatang.

Peramba / saya difahamkan majlis pada petang ini adalah bagi meraikan seramai 76 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dengan pelbagai latar belakang dan kemahiran. Di kesempatan ini, peramba / saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para peserta yang telah berjaya dengan cemerlang. Peramba / saya percaya, kejayaan ini boleh dijadikan sebagai pendorong bagi meningkatkan prestasi kerja dan kualiti kepimpinan ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Peramba / saya sukacita mengimbas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah beberapa kali menyentuh tentang betapa pentingnya kita semua sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti. Di samping itu kita juga perlu bergerak dalam satu pasukan bagi mencapai apa jua matlamat yang disasarkan demi kepentingan negara. Dalam konteks Perkhidmatan Awam, setentunya untuk menjadikan sebuah Perkhidmatan Awam yang cemerlang, responsif dan *customer-oriented*.

Perkara ini amatlah bertepatan dalam



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud semasa berucap pada Majlis Penutup Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Kali Ke-23 dan Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan Peringkat Pertengahan Kali Ke-22 dan Ke-23 pada hari Khamis, 16 Jamadilawal 1437 Hijrah bersamaan 25 Februari 2016 Masihi di Dewan Bankuet, JPM.

keadaan ekonomi global dan negara yang mencabar masa ini. Usaha-usaha transformasi dan reformasi bagi pembaikan dan peningkatan produktiviti dalam sektor awam adalah amat diperlukan. Tujuannya adalah satu iaitu untuk memacu pembangunan negara ke arah kepelbagaian ekonomi tanpa perlu bergantung kepada sumber minyak dan gas semata. Persoalan yang mungkin timbul ialah adakah para pegawai dan kakitangan selaku jentera Perkhidmatan Awam di negara ini mampu memikul tugas berat ini? Jawapannya tepuk dada, tanya selera. Itu kiasan peribahasa Melayu kita. Tetapi bagi peramba / saya, jawapannya adalah 100 peratus boleh asalkan kita semua memiliki minda yang sentiasa positif untuk meraih kejayaan.

Di samping kemahiran-kemahiran dan ilmu yang dipelajari dalam apa jua kursus yang dijalani, tidak syak lagi, *mindset* merupakan antara elemen penting untuk menjadi seorang pemimpin yang kompeten dan berkualiti. Seseorang boleh saja berilmu, berketerampilan, dan cemerlang dalam apa jua bidang kursus yang diikutinya, namun tanpa minda mahupun tingkah laku yang positif, ia sudah pasti tidak memberikan apa-apa makna. Kita akan gagal untuk melakar apa jua perubahan di tempat kerja. Dengan sentiasa memandang ke hadapan dan berfikir dalam sudut yang positif, seseorang itu, dalam apa pun peringkat ia berada, akan dapat memimpin mereka yang ada di sekitarnya mahupun yang di bawahnya.

Minda yang positif itu mampu mempengaruhi tingkah laku dan hasil kerja seseorang itu. Ia berupaya untuk meningkatkan prestasi seseorang dan orang sekelilingnya, sentiasa berinovasi dan komited terhadap apa jua tugas yang diberikan. Melalui perubahan minda ke arah yang positif, ia akan dapat melahirkan seorang pemimpin yang berwibawa, berintegriti dan berkualiti yang mampu mengemudi ke arah kecemerlangan Perkhidmatan Awam.

Alhamdulillah, melalui pengalaman peramba / saya sendiri selaku Ketua Penggerak, peramba / saya telah menyaksikan sendiri banyak perubahan positif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan khususnya reformasi-reformasi yang berkaitan dalam bidang pendidikan dan yang juga bersangkutan dengan Ease of Doing Business. Ini semua memerlukan perubahan minda kerana jika kita terus mengamalkan mentaliti *resistance to change* dan *business as usual*, kita akan sentiasa duduk ditakuk lama malahan akan tertinggal di belakang berbanding pencapaian negara-negara lain. Oleh itu, peramba / saya berharap, melalui Program Eksekutif ini dan setelah mengharungi kira-kira lapan minggu cabaran-cabaran dari sudut mental dan fizikal, ia akan dapat melahirkan pegawai-pegawai yang benar-benar berkemahiran, berkualiti dan mempunyai nilai kepimpinan yang tinggi dan pastinya dengan *mindset* yang positif.

Bercakap mengenai keadaan ekonomi semasa, peramba / saya ingin merujuk ucapan Yang Berhormat Pehin Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) baru-baru ini khususnya mengenai negara kita yang sedang mengalami kemerosotan fiskal dengan pendapatan kerajaan menurun sehingga kira-kira 70 peratus dari hasil yang diterima pada Tahun Kewangan 2012 / 2013. Dari sudut minda, bagaimanakah harus kita menangani situasi ini? Adakah dengan hanya berpeluk tubuh dan berserah bulat-bulat kepada pihak atasan untuk menanganinya ataupun melihat situasi ini sebagai satu peluang untuk membuat perubahan?

Dalam hubungan ini, peramba / saya menggesa abiskita semua selaku pemimpin di organisasi masing-masing untuk memainkan peranan, sentiasa peka dan bersikap proaktif dalam mengkaji dan menilai semula sistem, prosedur dan peraturan yang sedia ada ke arah pembaikan. Selaku seorang pemimpin, setentunya abiskita harus mengambil peluang untuk berani memberikan saranan-saranan dan buah fikiran bagi merencana pembaharuan di organisasi masing-masing. Jangan takut atau khuatir terhadap penolakan idea, kerana tidak mahu membuat perubahan adalah satu tabiat yang merugikan, bukan saja kepada diri sendiri, malahan merugikan organisasi dan juga negara. Ingatlah, setiap kita ada tanggungjawab masing-masing terhadap pembangunan negara.

Ke muka 9

Dari Sidang
Pengarang.

7 MAC 2016 BERSAMAAN 1437 جمادى الأول 27

PERBINCANGAN UNTUK KEMAJUAN NEGARA, BUKAN UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI

PERSIDANGAN Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara 2016 dibuka rasmi kelmarin menandakan bermulanya sesi membincangkan Peruntukan Belanjawan Negara Bagi Tahun Kewangan 2016 / 2017 dan membahaskan serta meluluskan belanjawan bagi peruntukan kewangan kemajuan negara, soalan-soalan yang diberi notis, usul-usul yang telah diberi notis dan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan 2016 / 2017.

Majlis Mesyuarat Negara (MMN) merupakan satu platform membincangkan pelbagai perkara yang banyak memfokuskan ke arah kemajuan negara. Ditubuhkan menurut Bab 23 dari Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 dan ahli-ahlinya dilantik menurut Bab 24, MMN dibubarkan pada tahun 1984 dan ditubuhkan semula pada tahun 2004.

Kini sudah 12 tahun persidangan ini berlangsung dengan pelbagai topik perbincangan menarik perhatian hampir semua lapisan masyarakat.

Harapan untuk ke arah kemajuan dan pembaikan keberlangsungan sesebuah negara tidak syak lagi disemai di wadah yang mulia ini.

Namun seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN 2016, janganlah semua isu hanya dibincangkan dan dibahas tanpa adanya susulan pelaksanaan. Kita juga perlu melihat apa yang sudah dicapai. Jika belum bermakna kita masih memerlukan tindakan pembaikan.

Hasil merupakan perkara penting dalam sesuatu perbincangan. Tanpa hasil maka dengan sendirinya ia satu yang belum berjaya.

Justeru ahli-ahli perlu sama-sama berganding bahu, berfikir jauh dan terbuka serta ke hadapan. Segala perbincangan hendaklah untuk kemajuan negara dan bukan untuk kepentingan sendiri lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi dunia sekarang yang tumbuh dengan perlahan dan lembap.

Seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, perhatian perlu diberikan bagaimana memperkasa ekonomi oleh kerajaan sendiri termasuk bagi sektor swasta.

Seruan untuk mengurangkan kebergantungan kepada hasil pengeluaran minyak dan gas sudah lama disuarakan. Alhamdulillah, negara sudah bergerak ke arah ini dengan memberi pelbagai platform dan kemudahan terutama sekali dalam menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana.

Namun kita tidak boleh berhenti di sini dan berpuas hati dengan pencapaian yang dikecapi. Kita perlu terus bergerak ke hadapan dan beriltizam untuk memajukan dan mengembangkan lagi negara.

Menurut Kebawah DYMM, sudah tiba masanya kita mengubah strategi perusahaan daripada semata-mata mencapai sara diri atau 'self sufficient' kepada berasaskan eksport. Kita sudah ada rangkaian-rangkaian pemangkin serantau dan antarabangsa seperti BIMF-EAGA, ASEAN, APEC dan baru-baru ini TPP bagi membantu menjana ekonomi. Apa yang tinggal ialah usaha-usaha mantap ke arah kejayaan, kita perlu cekap merebut peluang-peluang yang ada.

MMN merupakan satu wadah permuafakatan. Mudah-mudahan perbincangan berjalan dengan lancar dengan hasrat murni dan ikhlas untuk kepentingan rakyat dan penduduk negara ini jua.

- **Ketua Penyuntingan (Ss).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratihi Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Marlinawaty Hussin,
Ak. Sy'aruddin Pg. Dauddin

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Noriah Haji Abdul Hamid

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Hafaor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Mohammad bin Kahar

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nornasyirah Nordin,
Muhammad Hafizhuddin Tasad

Raman Cusca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
 31 °C	 26 °C	 32 °C
MUARA		
 31 °C	 27 °C	 32 °C
PEKAN BANGAR		
 30 °C	 26 °C	 31 °C
PEKAN TUTONG		
 31 °C	 26 °C	 31 °C
PEKAN SERIA		
 31 °C	 27 °C	 31 °C
KUALA BELAIT		
 31 °C	 27 °C	 31 °C
Walaupun Bisewab		
Sumber: JABATAN KAJI CUACA BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PEMERINTAHAN Telefon: Talian Cusca 114		

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Fokus strategi bawa impak kepada negara



Laporan : Mohammad Rainie Haji Durani, Bolhassan Haji Abu Bakar

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Mac. - Perbincangan pada Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) adalah penting memfokus perkara-perkara strategi yang membawa impak kepada negara dan semua isu yang dibincangkan serta dibahas perlu ada susulan pelaksanaannya.

Justeru itu, kita juga perlu melihat apa yang sudah dicapai, jika belum bermakna kita masih memerlukan tindakan pembaikan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyeru demikian ketika bertitah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan rasa gembira mengikuti perkembangan persidangan sejauh ini yang telah memainkan peranannya dengan baik.

Pendek kata, titah baginda, apa jua perancangan dan inisiatif adalah perlu untuk mengambil pendekatan 'delivery' atau 'delivery approach' untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Untuk itu, baginda menyarankan supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat mempunyai pandangan yang jauh dan cepat ke hadapan serta mengambil langkah-langkah mitigasi dan membuat persediaan sewajarnya sebelum didatangi oleh sebarang persoalan.

Sehubungan itu, baginda menyeru Ahli-Ahli

Yang Berhormat Yang Dilantik agar mengutarakan saranan-saranan atau buah fikiran mengenai cara-cara mengurangkan kebergantungan kepada sumber minyak dan gas serta bagaimana negara dapat menjana pendapatan dan kerajaan menjadi rakan kongsi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat.

Saranan-saranan mahupun buah fikiran dan soalan-soalan itu, titah baginda, hendaklah dibuat bukan atas kepentingan diri sendiri atau hanya mendengar dari satu pihak sahaja tanpa membuat kajian mendalam mengenainya.

"Jika ini berlaku, ia boleh saja menjadi perkara yang kurang signifikan dan tidak strategik untuk dibawa ke dewan ini," titah baginda.

Baginda seterusnya menyeru kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat supaya dapat meneruskan serta melipatgandakan usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk negara ini, sama ada mereka yang bermastautin di kawasan bandar mahupun di kawasan-kawasan luar bandar.

Apa jua permasalahan itu perlu ditangani dengan baik dan sempurna dengan jalan berunding. Semoga usaha-usaha yang kita buat akan menghasilkan buah yang baik dan ranum untuk semua.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima tabik hormat dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN).



BERANGKAT sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang juga merupakan Ahli Rasmi Kerana Jawatan; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Ubah strategi perusahaan

Dari muka 1

Baginda berharap dengan adanya pusat perusahaan kecil dan sederhana, perusahaan-perusahaan tempatan yang berskala kecil dan sederhana akan dapat berkembang maju sehingga ke peringkat antarabangsa.

Manakala di bidang kewangan pula, titah baginda, sungguhpun negara masih mampu menyediakan sejumlah peruntukan bagi pembangunan negara dan operasi kerajaan, namun kita mesti mengambil sikap berhemah dalam berbelanja dengan cara lebih melihat kepada keperluan dan keutamaan.

KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN).




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima tabik hormat diraja daripada kira-kira lebih kurang 100 anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang diketuai oleh Pegawai Pemerintah Perbarisan, Penguasa Polis Awang Haji Mohammad Azrie bin Haji Talip.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat memeriksa barisan kawalan kehormatan yang terdiri dari anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (atas).



BAGI memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Generasi muda perlu memperkasa isu global



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Perasmian Persidangan Isu-Isu Global Borneo (Borneo Global Issues Conference - BGIC), Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Ke-12 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersabda menekankan, perlunya memperkasa generasi muda untuk memainkan peranan aktif dalam membentuk masa depan, di samping isu-isu global yang berkaitan dengan pencapaian pendidikan asas universal bagi semua.

Yang Teramat Mulia bersabda demikian semasa melancarkan Majlis Perasmian Persidangan Isu-Isu Global Borneo (Borneo Global Issues Conference - BGIC), Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Ke-12 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

YTM juga menyentuh mengenai tema persidangan yang mengingatkan tentang hak asasi yang sangat penting yang memberi setiap kanak-kanak akses kepada sistem pendidikan yang baik.

Oleh itu, sabda YTM, ia adalah penting bahawa anak-anak muda, kerajaan dan agensi-agensi diberikan kesedaran tentang bilangan kanak-kanak di seluruh dunia yang telah dinafikan hak asasi mereka yang akhirnya

mempengaruhi berjuta-juta nyawa, pertumbuhan ekonomi serta kemakmuran.

"Cabaran yang kita hadapi hari ini dan pada masa hadapan adalah bagaimana sebagai individu dan negara, kita boleh bergerak ke hadapan dalam memastikan bahawa kedua-dua pendidikan asas dan berkualiti disediakan untuk setiap kanak-kanak oleh setiap badan kerajaan pada skala global.

Baru-baru ini, Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Kebangsaan Ke-32 Tahun dengan tema 'Generasi Berwawasan' di mana visi kita ialah ingin menjadi Negara Zikir.

Ia adalah sesuai bagi kita menekankan pentingnya bagaimana generasi kini bersama-sama dalam mencapai wawasan negara kita," tambah sabda YTM.

Menurut sabda YTM, orang-orang muda yang duduk di dalam dewan pada hari ini mempunyai potensi untuk membawa negara mereka ke masa depan yang lebih cerah.

Walau bagaimanapun, jelas YTM, untuk merealisasikan potensi mereka, kita perlu terus melabur ke arah mereka dalam memastikan

bahawa mereka memang berpengetahuan dan sedar akan isu-isu serius yang dihadapi pemimpin-pemimpin dunia kita hari ini.

YTM seterusnya menyeru orang-orang muda untuk menyuarakan pendapat mereka selain bersifat terbuka dalam membuat keputusan, di samping mengambil masa untuk betul mempertimbangkan idea-idea dan keadaan orang lain.

"Mampu berfikir secara kritikal dengan cara yang prihatin adalah syarat utama untuk menjadi warga global yang bertanggungjawab.

Mendidik anak-anak muda di luar bilik darjah dan sekolah, persidangan ini juga membina asas penting kemahiran hidup yang lain termasuk komunikasi, membuat keputusan, interaksi sosial, membina keyakinan dan pembangunan watak," sabda YTM.

YTM seterusnya berharap semua perwakilan muda di sini hari ini memahami bahawa latihan yang mereka jalani sekarang sebenarnya merupakan satu bahagian penting dalam persediaan mereka untuk masa depan.

YTM juga yakin bahawa persidangan ini akan diterima baik yang akan menjadi satu kejayaan besar dan menyokong sepenuhnya persidangan ini.

Berangkat lancarkan Persidangan Isu-Isu Global Borneo



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah semasa berkenan mengurniakan mementos kepada 'Associate at The Population Council', Amerika Syarikat, Chernor Bah.



PERSEMBAHAN yang dipersembahkan oleh penuntut ISB pada majlis tersebut.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan mengurniakan sijil penyertaan kepada salah seorang penuntut yang menyertai BGIC, ISB Ke-12.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman hari ini berkenan berangkat melancarkan Persidangan Isu-Isu Global Borneo (Borneo Global Issues Conference - BGIC), Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Ke-12 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia, yang juga selaku Penaung Diraja BGIC dijunjung oleh Pengetua Eksekutif ISB, Dr. Steven Geraghty.

Dalam sembah alu-aluannya, Dr. Steven Geraghty antara lain menyentuh mengenai tema persidangan, iaitu 'Pendidikan Asas Universal' (Universal Primary Education) adalah amat penting bagi kita semua dan tanpa pendidikan, peluang kehidupan kita akan berkurang.

Acara kemudiannya diteruskan dengan ucapnama daripada penceramah undangan luar negara, iaitu 'Associate at The Population

Council', Amerika Syarikat, Chernor Bah dan 'Senior Campaigner for Amnesty International' Amerika Syarikat, Jamira Burley yang antara lain membincangkan mengenai pentingnya pendidikan di peringkat rendah selain turut berkongsi kehidupan masa lalu mereka untuk dijadikan iktibar dan bagaimana pendidikan itu boleh membantu merubah kehidupan mereka.

Pada majlis itu, YTM juga berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya merasmikan BGIC Ke-12.

YTM kemudiannya menyerahkan cenderamata kepada penceramah, penaja dan penyokong BGIC.

Terdahulu sebelum itu, YTM juga berkenan menyaksikan persembahan muzikal oleh pelajar-pelajar ISB.

Persidangan yang diadakan sehingga hari Isnin, 7 Mac itu disertai oleh 250 penuntut dari 20 buah sekolah terdiri dari ISB, maktab-maktab dan sekolah-sekolah menengah di negara ini serta penyertaan dari Asia Tenggara.

Berangkat ke Sambutan WTD 2016 PPPBD

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Februari. - Sambutan Hari Peringatan Sedunia (World Thinking Day - WTD) disambut pada setiap 22 Februari sebagai hari yang istimewa bagi Pandu Puteri dan Pengakap Puteri di seluruh dunia dan diambil sempena tarikh ulang tahun kelahiran pengasas bersama kepanduan, Lord Baden-Powell dan Lady Olave Baden-Powell.

WTD disambut setiap tahun sebagai cara untuk mengingati antara satu sama lain di kalangan ahli-ahli Pandu Puteri dan Pengakap Puteri dan sebagai tanda penghargaan kepada pergerakan antarabangsa persatuan tersebut.

Negara Brunei Darussalam melalui Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) seperti lazimnya setiap tahun juga tidak ketinggalan mengadakan Sambutan WTD yang dijadikan salah satu kegiatan tahunan persatuan tersebut yang berlangsung di Ibu Pejabat PPPBD.

Sehubungan itu, WTD 2016 tahun ini bertambah serinya dengan keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua PPPBD.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Ketua Pesuruhjaya (Chief Commissioner) PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim dalam sembah alu-aluannya pada majlis tersebut antara lain menyatakan bahawa tema Sambutan WTD tahun ini ialah 'Connect' atau Jalin.

Jalin yang dimaksudkan dalam konteks 'Girl Guiding' dan 'Girl



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Sambutan Hari Peringatan Sedunia 2016 (World Thinking Day - WTD) yang berlangsung di Ibu Pejabat PPPBD.

Scouting' (Kepanduan dan Berpengakap) sembahnya, dibahagi kepada empat sudut.

Sudut berwarna merah jelasnya, mengenali perasaan diri sendiri, iaitu bagaimana menikmati kegembiraan dalam pada masa yang sama menggemirakan orang lain serta meluahkan perasaan dan nikmat kerohanian serta menerokai cara belajar dan menghadapi cabaran melalui diri sendiri dan orang lain.

Manakala sudut berwarna kuning sembahnya, jalin dengan dunia sama ada menerokai dunia dengan menggunakan internet, komputer, telefon yang canggih serta mencari informasi melalui laman sesawang dan lain-lain kemudahan perhubungan masa kini.

Beliau menambah, sudut berwarna biru pula adalah jalin dengan Pertubuhan Sedunia Pandu Puteri dan Pengakap Puteri, Pertubuhan Sedunia Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (WAGGGS) sementara, sudut hijau jalin dengan

masyarakat dan teman sama ada melalui kegiatan-kegiatan, pertukaran dan kongsi sama kebudayaan, perkhemahan, latihan, bengkel, forum dan lain-lain.

Dayang Hajah Siti Hafsa seterusnya menyempatkan bahawa beberapa perubahan telah dibuat tahun ini antara WAGGGS dengan Pergerakan Pertubuhan Pengakap Sedunia (World Organizations of Scouts Movements - WOSM), iaitu salah satu dari perkara yang dipersetujui ialah mengeluarkan bersama Peraturan Sambutan Hari Peringatan Sedunia 2016.

Pada majlis itu, perutusan 'WTD 2016' telah dibacakan oleh Pesuruhjaya Perhubungan, Dayang Nasriah binti Awang Nasib.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah kemudiannya berkenan menandatangani papan WTD 2016 dan dijunjung menyaksikan pameran yang bertemakan 'Connect'.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Yang Teramat Mulia juga berkenan mengabadikan gambar kenangan bersama ahli-ahli PPPBD.

Selain untuk menyambut dan merayakan WTD 2016, majlis juga bertujuan untuk meningkatkan serta mengukuhkan perasaan muhibah dan hubungan silaturahim di kalangan ahli persatuan dan mempersembahkan persembangan dan kegiatan-kegiatan yang telah dijalankan oleh pek / pasukan / unit Pandu Puteri di negara ini.

Seperti lazimnya setiap tahun, setiap ahli pasukan juga digalakkan untuk menderma BND1 kepada Tabung Thinking Day 2016 yang dihasratkan sebagai kegunaan bagi sebarang latihan dan kegiatan sama ada dalam dan luar negeri.

WTD telah disambut sejak tahun 1926 bagi merayakan semangatperpaduan warga dunia dan menyuarakan isu-isu yang membabitkan kanak-kanak perempuan dan wanita muda.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah berkenan menyaksikan pameran WTD.



YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah berkenan bergambar ramai bersama ahli-ahli PPPBD.



**Laporan : Bolhassan Haji Abu Bakar,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Ampuan Haji Mahmud Ampuan
Haji Tengah, Hamzah Mohidin,
Hernie Suliana Haji Othman,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Muhammad Asri Haji Awang Abas**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Mac. - Upacara Mengangkat Sumpah bagi lima orang Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang terdiri daripada Menteri-Menteri Kabinet yang baharu berlangsung di hadapan Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang mengangkat sumpah bagi Musim Permesyuaratan MMN Ke-12 terdiri daripada Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong; Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Dalam ucapannya, Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman

Lima Ahli Rasmi Kerana Jawatan angkat sumpah

bin Dato Setia Haji Mohamed Taib melahirkan penghargaan tahniah kepada Ahli-Ahli Menteri-Menteri Kabinet yang baru dilantik yang telah berkuat kuasa pada 22 Oktober 2015.

Yang Di-Pertua MMN menjelaskan, pelantikan itu merupakan satu pengiktirafan yang sangat bermakna.

Jelas Yang Di-Pertua MMN, menurut Fasal 49 daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam iaitu bagi ahli-ahli yang baru dilantik sebagai Ahli MMN dan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet, iaitu *ex-official* selaku Ahli MMN.

Yang Di-Pertua MMN seterusnya berkata, sebelum memulakan tugas dan kewajipan yang lain, ahli-ahli yang berkenaan itu dikehendaki untuk mengangkat sumpah ataupun pengakuan seperti dalam borang 4 yang telah diedarkan daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam hanya bagi mereka yang berkenaan itu.

Ahli-Ahli MMN termasuklah Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan; Ahli-Ahli Yang Dilantik Terdiri Daripada Orang-Orang Bergelar; Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan dan Ahli-Ahli Yang Dilantik Mewakili Daerah-Daerah.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah.



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Ubat tradisional dicemari bahan racun

**Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kesihatan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Mac. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan ubat tradisional yang tersenarai di bawah kerana hasil dari ujian makmal Bahagian Kawalan Mutu Ubat, Jabatan Perkhidmatan Farmasi mendapati produk berkenaan dicemari dengan bahan racun berjadual dan ubat-ubatan barat yang tidak diisytiharkan.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, sampel produk-produk berkenaan telah diperolehi dari aktiviti pemantauan dalam pasaran di kedai-kedai runcit yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi.

Produk berkenaan adalah Kovix's Eucommia Plus Capsule (Hui Chun Tong Pharmaceutical Co. Ltd, Hongkong selaku pengilang / pengedar) yang dicemari dengan Dexamethasone, Zhika Pipadan Pill (Shanghai China selaku pengilang / pengedar) yang dicemari dengan Chlorpheniramine, diclofenac, prednisolone dan dexamethasone, Hui Choon Ginseng Pill (Tongsheng Pharmaceutical Co. Ltd., Hong Kong selaku pengilang / pengedar) yang dicemari dengan Chlorpheniramine dan dexamethasone dan Obat Tradisional Sarang Semut Sirih Merah (Sarmut) dikilang atau diedarkan oleh PJ Cospleng Jaya, Indonesia yang dicemari dengan Diclofenac, phenylbutazone dan dexamethasone.

Bahan-bahan pencemar dalam produk-produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Penggunaan kortikosteroid Dexamethasone dan prednisolone secara berpanjangan tanpa pengawasan boleh menyebabkan peningkatan pada paras glukosa dalam darah yang mengakibatkan kencing manis, tekanan darah tinggi, katarak, penyakit otot dan tulang, serta meningkatkan risiko jangkitan yang teruk.

Penggunaan kortikosteroid dalam jangka panjang juga boleh mengakibatkan Cushing's Syndrome yang mana dicirikan dengan muka bulat atau *moon face*, serta kegemukan pada bahagian badan dengan anggota kaki dan tangan yang kecil. Pengguna yang telah mengambil dos steroid yang tinggi dalam tempoh masa yang lama mungkin mengalami gejala yang termasuk keletihan, sakit otot dan sendi, demam, kadar gula dalam darah rendah, tekanan darah rendah dan dehidrasi.

Pening, tekanan darah menurun, denyutan jantung yang tidak menentu, kekeliruan, kemurungan dan sawan adalah antara kesan-kesan *advers* yang boleh terhasil dari penggunaan Chlorpheniramine tanpa pengawasan.

Penggunaan Phenylbutazone dan diclofenac tanpa pengawasan boleh menyebabkan ulser peptik, pendarahan gastro-usus, loya, muntah-muntah, ruam kulit, kabur penglihatan, edema, penyakit kuning dan kegagalan buah pinggang. Manakala, Phenylbutazone juga sering dikaitkan dengan kesan sampingan yang teruk seperti penyakit darah yang serius.

Kementerian Kesihatan tidak pernah

mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan bagi penjualan produk-produk tersebut.

Berikutan dapatan tersebut, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di negara ini.

Orang ramai yang telah membeli atau memakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta merta.

Jika mereka mengalami kesan *advers* dan merasa tidak sihat selepas memakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk-produk tersebut (termasuk penjualan secara *online* seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Racun 1956 untuk menjual mana-mana produk yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah Akta berkenaan dan boleh dikenakan denda

sebanyak BND8,000 atau penjara enam bulan, jika didapati bersalah.

Tambahan pula, jika seseorang melakukan sesuatu di atas kecuaiannya sendiri yang membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, jika diadapati bersalah akan didenda sebanyak BND16,000 dan dua belas (12) bulan penjara.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama dari orang ramai untuk melaporkan ke Bahagian Penguatkuasaan Farmasi jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat dan hubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Penguatkuasaan Farmasi melalui talian telefon +673 2393298 sambungan 208, menghantar e-mel ke pharmacy.enforcement@moh.gov.bn atau berjumpa terus Pegawai Penguatkuasaan Farmasi di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras.



OBAT Tradisional Sarang Semut Sirih Merah (Sarmut).



KOVIX'S Eucommia Plus Capsule.



ZHIKE Pipadan Pill.



HUI Choon Ginseng Pill.

Pesara Kementerian Pembangunan diberi penghargaan

**Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pembangunan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Kementerian Pembangunan telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Bagi Pegawai dan Kakitangan

Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang bersara di Dewan Indera Pahlawan, Pusat Ujian Kemahiran Kerja dan Latihan (MODTC), Kementerian

Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati kepada para pesara ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Pembangunan, Pengiran Kamis bin Pengiran Metamin, selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, persaraan bukanlah menjadi halangan dalam meneruskan khidmat bakti dan sumbangan terhadap agama, bangsa dan negara.

Para pesara, tambah beliau, boleh menggunakan masa persaraan dengan perkara-perkara yang berfaedah seperti berkecimpung dalam dunia perniagaan, meneruskan pekerjaan di sektor swasta yang bersesuaian dengan kemahiran dan pengalaman masing-masing, bergiat aktif dalam badan-badan sukarelawan atau badan-badan bukan kerajaan (NGOs), dan melibatkan diri

dalam pelbagai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, sosial dan keugamaan.

Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan ini adalah untuk menghargai segala bakti dan pengorbanan yang disumbangkan oleh para pesara sepanjang berkhidmat dengan kerajaan.

Pada tahun ini, Kementerian Pembangunan mencatatkan seramai 146 pesara, yang mana 106 daripadanya pesara lelaki dan 40 orang lagi adalah pesara perempuan.

Pesara yang diraikan adalah bagi pegawai dan kakitangan yang bersara pada 1 Oktober 2014 hingga 31 Disember 2015.

Juga hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Pemangku Setiausaha Tetap (Pentadbir dan Kewangan), Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; ketua-ketua jabatan, divisyen, unit kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya serta ahli-ahli jawatankuasa majlis.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah (depan, dua dari kiri) bergambar ramai bersama sebahagian pesara-pesara wanita dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Tawaran biasiswa lanjutkan pengajian di Turki

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Kerajaan Turki ketika ini menawarkan biasiswa kepada pelajar di Negara Brunei Darussalam untuk melanjutkan pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi di negara tersebut.

Negara Turki sebuah negara yang terkenal dengan peninggalan legasi pemerintahan Uthmaniyyah, pada ketika ini mempunyai 200 buah universiti dan semua universiti di negara tersebut menawarkan program pengajian Islam.

Demikian dijelaskan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Fikret Oguz Ates semasa mengadakan kunjungan hormat kepada Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Menurut TYT lagi, terdapat tiga buah universiti yang tersohor khusus dalam bidang pengajian Islam, iaitu Universiti Marmara, Universiti Istanbul dan Universiti Ankara.

Justeru, tujuan kunjungan hormat tersebut ialah bagi meninjau peluang-peluang kolaborasi dan kerjasama strategik dalam bidang pendidikan khususnya dalam bidang pengajian Islam.

Pembiayaan yang disediakan termasuklah tiket penerbangan, tempat tinggal dan elau sara hidup dan tawaran biasiswa ini tambah menarik dengan peluang mengikuti kursus bahasa sama ada bahasa Arab atau bahasa Turki dengan percuma.

UNISSA dilihat dalam aspek ini lebih relevan memandangkan pengajian Islam merupakan niche UNISSA.

Sementara itu, mulai tahun 2015 menurut TYT bahawa ketiga-tiga universiti yang menonjol dalam arena pengajian Islam di atas telah memulakan program pengajian dengan bahasa pengantar dalam bahasa Arab, di mana sebelumnya mereka menggunakan bahasa Turki dan bahasa Inggeris semata-mata.

Di samping itu, biasiswa yang ditawarkan pihak Kerajaan Turki tidak hanya terhad bagi para pelajar bahkan



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (kiri) menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Ahmed Ali Sirohey (tengah).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

terbuka bagi tenaga akademik melalui biasiswa felo yang ditawarkan Kerajaan Turki bagi tujuan penyelidikan.

Perbincangan antara kedua-dua belah pihak turut menyentuh mengenai peluang-peluang melaksanakan pertukaran pelajar dan staf UNISSA sebagai tapak untuk meningkatkan kebolehan dan kemahiran melalui pengalaman pembelajaran dan pengajaran di institusi berprestij luar negara.

Pihak Kedutaan Turki juga bersedia membantu menjadi penghubung dalam menjalinkan sebarang kolaborasi dengan mana-mana institusi di negara dua benua yang terkenal dengan kekayaan warisan keislamannya ini.

Kunjungan pertama Kedutaan Turki ke UNISSA ini disertai sama oleh Sekretari Pertama Kedutaan Besar Turki di Negara Brunei Darussalam, Burcu Erdem.

Sementara itu, dua hari sebelumnya UNISSA juga telah menerima

kunjungan hormat daripada Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Ahmed Ali Sirohey.

Dalam kunjungan berkenaan kedua-dua belah pihak berbincang untuk menjalin hubungan dalam pengajian Islam khususnya dalam perundangan Islam.

Pertemuan tersebut juga memberikan ruang bagi kedua-dua belah pihak membincangkan beberapa isu semasa khususnya berkait dengan perkembangan Islam di rantau Asia.

Pihak Suruhanjaya Pakistan dengan berbesar hati turut menyatakan kesediaan mereka untuk membantu menjalinkan berbagai-bagai kerjasama dengan mana-mana institusi di Republik Islam Pakistan yang difikirkan bersesuaian dengan program yang ada di UNISSA.

Kedua-dua kunjungan hormat ini dihadiri sama oleh Timbalan Rektor UNISSA dan pegawai-pegawai utama lainnya.

SMSH catat pencapaian terbaik Peperiksaan GCE Peringkat 'O'

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Khamis, 3 Mac. - Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH) Bangar telah berjaya melakar pencapaian terbaik dalam kalangan 16 buah sekolah menengah yang menunjukkan peningkatan dalam Peperiksaan GCE 'O' Level Tahun 2015.

Perkara itu dijelaskan oleh Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Profesional), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Marina Chek binti Bujang pada Majlis Penyampaian Hadiah Cemerlang BCGCE 'O' Level dan IGCSE bagi SMSH, berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar di sini.

SMSH katanya, bukan hanya setakat meningkatkan pencapaian tetapi dengan catatan pencapaian keupujian dari 11.26 peratus pada tahun 2014 kepada 25.79 peratus pada tahun 2015 iaitu kenaikan sebanyak 14.53 peratus, satu peningkatan yang sangat ketara dan membanggakan.

Pada tahun 2015, SMSH jelasnya, menghadapi keadaan suasana pembelajaran dan pengajaran yang sangat mencabar dengan kekurangan bilik darjah yang telah memaksa pihak pengurusan sekolah membuat beberapa perubahan terhadap jumlah-jumlah pelajar bagi setiap kelas.

Akan tetapi cabaran tersebut tambahnya, diharungi dengan tabah dan sabar dengan keazaman untuk terus melaksanakan program-program bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dan pemedulian terhadap para pelajar.

"Segala kesabaran dan usaha-usaha tersebut telah terbukti dalam pencapaian Peperiksaan GCE 'O' Level 2015 di mana SMSH telah menunjukkan peningkatan sangat ketara dan teratas di antara 16 buah sekolah menengah yang telah menunjukkan peningkatan pada GCE 'O' Level 2015," ujarnya.

Pada majlis itu para penuntut SMSH yang mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan BCGCE 'O' Level dan IGCSE Tahun 2015 telah menerima hadiah masing-masing, disampaikan oleh Dayang Marina Chek.

Majlis bagi meraikan usaha gigih para penuntut terbabit dikendalikan bersama oleh SMSH Bangar dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Profesional), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Marina Chek binti Bujang (kanan) menyampaikan sijil kepada pelajar yang berjaya memperolehi keputusan cemerlang pada Majlis Penyampaian Hadiah Cemerlang BCGCE 'O' Level dan IGCSE bagi SMSH.

Tiga bangunan dianugerahkan 'Energy Efficient Building'



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (kiri) semasa menyampaikan sijil kepada wakil jabatan yang telah memenangi anugerah 'Energy Efficient Building'.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Mac. - Bangunan-bangunan Kementerian Pembangunan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Kemajuan Perumahan

bersama Jabatan Perkhidmatan Elektrik dianugerahkan 'Energy Efficient Building' pada majlis yang berlangsung di Dewan Legar, Kementerian Pembangunan, di sini.

Hadir menyampaikan penganugerahan tersebut, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dan seterusnya melancarkan Brunei Accredited Green Unified Seal (BAGUS) Green Building Tools.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny; Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah; pegawai-pegawai kanan serta para pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Tiga penerima, iaitu bangunan Kementerian Pembangunan telah berjaya menjimatkan sebanyak 445,191 kilowatt (kw) mencapai Indeks Cepak Tenaga (EEI) daripada 205 kepada 174kw meter persegi setahun dan mengurangkan pencemaran 311,634kg Karbon Dioksida.

Sementara bangunan Ibu Pejabat JKR pula berjaya menjimatkan sebanyak 580,997kw dan mencapai EEI daripada 189 kepada 149kw meter persegi setahun dan mengurangkan pencemaran 406,684kg Karbon Dioksida.

Manakala bangunan Jabatan Kemajuan Perumahan bersama Jabatan Perkhidmatan Elektrik juga

berjaya menjimatkan sebanyak 489,015kw serta mencapai EEI daripada 191 kepada 163kw meter persegi setahun dan mengurangkan pencemaran sebanyak 342,210kg Karbon Dioksida.

Penganugerahan berkenaan adalah berasaskan inisiatif penjimatan tenaga elektrik dan program kesedaran penggunaan tenaga dengan betul oleh JKR sejak tahun 2013 kepada bangunan-bangunan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Hasil daripada inisiatif tersebut menunjukkan penjimatan tenaga yang ketara dan ada beberapa bangunan mencapai kriteria-kriteria, iaitu penjimatan tenaga sekurang-kurangnya 15 peratus daripada penggunaan sebelumnya, mencapai di bawah aras EEI bagi bangunan kerajaan 175kw meter persegi dan pengurangan pencemaran Karbon Dioksida sekurang-kurangnya 15 peratus daripada penggunaan sebelumnya.

Melalui penganugerahan itu akan dapat memberi dorongan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan lain untuk berusaha melaksanakan penjimatan tenaga elektrik di samping memberi kesedaran dan mengelakkan pembaziran di bangunan masing-masing.

BAGUS Green Building Tools adalah pengenalan kepada Green Building Tools untuk diguna pakai

di negara ini dan ia akan menilai tahap bangunan baharu *non-residential* dan mengambil kira reka bentuk yang berkonsep hijau, alam sekitar yang berdaya tahan dan mapan tanpa menjejaskan kesesuaian pengguna dan juga *cost-effective*.

BAGUS Tools ini akan merealisasikan bangunan hijau dengan mengambil kira kaedah dan konsep kehijauan dari segi reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan bangunan-bangunan yang baharu.

Ia juga akan mengurangkan kesan-kesan gas rumah hijau, menggunakan kurang tenaga, penjimatan penggunaan air dan menawarkan persekitaran yang lebih sihat.

Dengan adanya BAGUS Tools ini merupakan satu titik permulaan ke arah pembangunan ekonomi dan masyarakat di negara ini mewujudkan dasar persekitaran yang lebih sihat dan produktif. Rumusan Tools itu mengambil kira budaya dan iklim di negara kita ini.

Inisiatif 'Energy Efficient Building' dan BAGUS. Green Building Tools yang diunkayahkan Green Building Initiative (GBI) JKR bagi mendorong penjimatan tenaga elektrik dan menerajui industri pembangunan dengan mengambil kira konsep kehijauan di dalam reka bentuk, pelaksanaan dan penggunaan yang lebih baik dan berdaya tahan.



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi semasa sesi bergambar ramai pada majlis tersebut.

HALUAN

Dari muka 2

Biar kecil sumbangan kita sekalipun, tidak mengapa. Sebagaimana peribahasa sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit atau sehari selembur benang, lama-lama menjadi selelai kain. Usaha yang sedikit pada awalnya, boleh saja menjadi besar impaknya kepada organisasi dan negara.

Dalam hubungan ini, ke arah Perkhidmatan Awam yang sentiasa dinamik dan progresif, satu rangka kerja Perkhidmatan Awam atau 'Civil Service Framework' ringkasnya CSF, adalah diperlukan. Selain bagi meningkatkan produktiviti dan mutu kepimpinan di dalam Perkhidmatan Awam, ia juga bagi

Tingkatkan prestasi kerja, kualiti kepimpinan

menggalakkan transformasi dan reformasi bagi penambahbaikan perkhidmatan kerajaan sejajar dengan tuntutan perkembangan serta ekspektasi semasa. Para *stakeholders* sentiasa mendambakan kewujudan suasana persekitaran yang pro-perniagaan. Inisiatif CSF ini bermatlamat untuk menjadikan Perkhidmatan Awam yang cemerlang ke arah memudahkan cara pertumbuhan ekonomi bagi kesejahteraan negara. Ini sudah setentunya bertepatan ke arah mendukung hasrat jangka panjang Wawasan Brunei bagi mencapai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan menjelang tahun 2035.

Pada kesempatan ini, peramba / saya sekali lagi sukacita merakamkan ucapan syabas dan

tahniah kepada semua peserta program yang telah berjaya mengharungi Program Pembangunan Eksekutif ini. Adalah menjadi harapan kita semua agar ilmu pengetahuan, kemahiran mahupun pengalaman yang diperolehi tersebut akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dengan cemerlang oleh para peserta program dalam mempertingkatkan prestasi organisasi sekali gus merealisasikan hasrat dan aspirasi negara.

Peramba / saya juga berharap supaya para peserta program ini akan sentiasa terus mengembangkan sayapnya sebagai satu pasukan dan tidak terhenti setakat ini sahaja dengan mengekalkan ciri-ciri keperibadian

yang baik seperti jujur, bertanggungjawab, rajin, berazam tinggi, inovatif, berdisiplin, berintegriti, saling menghormati sesama rakan sekerja serta sentiasa mempunyai minda yang positif.

Akhirnya, ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada UBD khususnya Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA) atas kerjasama yang berterusan dalam mengadakan program-program eksekutif ini dan juga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada petang ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

JBP adakan Tahlil di Kubah Makam Diraja



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam (depan, tiga dari kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) akan meraikan sambutan ulang tahunnya yang ke-56 pada 9 Mac nanti.

Bersempena sambutan ulang tahunnya yang lebih setengah dekad itu, JBP merancang pelbagai program dalam memeriahkan sambutan tersebut, antaranya termasuk Majlis

Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong di sini.

Majlis tersebut adalah bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri

Pengiran Anak Damit.

Hadir pada majlis itu, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam.

Juga hadir ialah Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman serta 200 orang yang terdiri daripada para pegawai dan anggota JBP.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin diikuti Tahlil yang dikepalai oleh Ketua Guru Agama JBP, Awang Haji Adanan bin Haji Ahmad.

Kumpulan Belia anjur Bengkel Penyempurnaan Solat

Berita dan Foto :

Ihsan Ak. Mohammad Ehsanuddin Pg. Haji Mulek

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 Februari.- Kumpulan Belia Syababurroja Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah Syababurroja, Kampung Kiarong telah menganjurkan Bengkel Penyempurnaan Solat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Bengkel yang disertai oleh 90 peserta ini adalah julung kali diadakan bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 yang bertemakan 'Generasi Berwawasan'.

Antara tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk meraih reda dan kasih Allah Subhanahu Wata'ala, memupuk dan menyemai rasa cinta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan menghidupkan sunnahnya, khususnya dalam ibadah solat dan meluaskan lagi ilmu pengetahuan berkenaan solat.

Mudim Awang Haji Suhaili bin Haji Kalong, selaku Timbalan Pengerusi dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa kedudukan solat amat tinggi dalam Islam dan merupakan tiang agama, malah agama tidak akan dapat berdiri tegak dengan sempurna dalam diri dan negara setelah memberi perhatian khusus tentang kewajipan dan kesempurnaannya.

Program diisi dengan ceramah yang bertajuk 'Ibadah Dinamik Asas Generasi Berwawasan' telah disampaikan oleh Awang Sammali bin Haji Adam.

Antara kupasan ceramah tersebut adalah menegaskan para belia dan beliawanis untuk jangan mengamalkan sifat berlengah-lengah. Di samping itu ibadah bukan tertakluk kepada solat sahaja akan tetapi maknanya adalah lebih luas, contohnya amalan seharian kita seperti makan untuk beribadah akan tetapi jika berlebihan ia akan melalaikan dan pembaziran, turut disentuh setiap ibadah itu tergantung pada niatnya.

Program diteruskan lagi dengan Bengkel Penyempurnaan Solat di bilik-bilik kuliah yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu lelaki dan perempuan. Fasilitator atau pembengkel bagi peserta lelaki adalah Pengiran Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar, manakala Dayang Siti Nor Aziah binti Haji Asli bagi peserta perempuan.

Antara isi bengkel yang disentuh ialah mengenai solat sebagai tiang agama, yang mana sesiapa mendirikan solat seolah-olah dia telah mendirikan agamanya, dan sesiapa yang meninggalkannya seolah-olah dia telah meruntuhkan agama yang dipegangnya sendiri. Kemudian para peserta juga diberi pendedahan mengenai rukun solat, cara penyempurnaan solat dan bacaan sewaktu solat.



MUDIM Awang Haji Suhaili bin Haji Kalong, selaku Timbalan Pengerusi (kanan) menyerahkan cenderahati kepada Awang Sammali bin Haji Adam (kiri).

Lawatan suai kenal JISDA ke UNISSA



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (depan, tiga dari kiri) bergambar ramai bersama Rektor Jam'iah Islam Sheikh Daud Al-Fathani (JISDA), Dr. Abdurrahid Hamee'ye dan rombongan.

GADONG, Khamis, 3 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima kunjungan delegasi Jam'iah Islam Sheikh Daud Al-Fathani (JISDA), Selatan Thailand sebagai rangka ke arah mengadakan hubungan persefahaman dan ingin mengenali lebih dekat dan melihat secara langsung perkembangan UNISSA.

JISDA adalah sebuah universiti

Islam yang telah ditubuhkan di bawah pembinaan Muassasah Assaqafah Al-Islamiyah Yala, Selatan Thailand semenjak tahun 1993. Penubuhannya adalah sebagai Pusat Pengajian Tinggi Islam di Selatan Thailand dalam membantu para pelajar yang berada di institusi pendidikan, madrasah dan juga pondok untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Oleh kerana terdapat sedikit persamaan antara UNISSA dan JISDA maka lawatan ini berbentuk suai kenal, di samping berkongsi pengalaman antara kedua-dua institusi. Ia juga sejajar dengan peranan UNISSA sebagai sebuah institusi yang bukan sahaja mementingkan kecemerlangan pelajarannya bahkan kemaslahatan ummah.

Sementara itu, lawatan ini juga

adalah bertujuan untuk mengadakan kolaborasi atau jalinan yang menuntut komitmen mengikut kepakaran bidang masing-masing.

Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal telah mengalu-alukan kunjungan delegasi dengan memberikan sedikit penerangan berkenaan dengan penubuhan UNISSA serta menjelaskan tentang hubungan persefahaman yang telah dibuat oleh UNISSA dengan institusi

pengajian Islam sama ada di peringkat ASEAN ataupun antarabangsa.

Kunjungan delegasi ini telah diketuai oleh Rektor JISDA, Dr. Abdurrahid Hamee'ye dan diiringi oleh tujuh pegawai JISDA.

Turut hadir ialah Timbalan Rektor, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Penolong Rektor, Dr. Arman bin Haji Asmad; pegawai-pegawai utama dan beberapa pegawai UNISSA.

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

SERUAN SUCI



سنتیاس برسغا بايك

مقصودن:

دري صهيبي كاتن: رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا: أمة منمحبين سيكف سورغ مؤمن يغ سنتياس ممدغ بايك ترهادف سكل سسوات دسكليلغن. سيكف اين سينر تيدق قرنه وجود قد أومة لايين كجوالي كقد كولوغن مؤمن. حك دي مندافة كبايكن، اي برشكور، حك دي ديمقا كبوروقن، مك دي قون برصير مقهادقين دان اين قون بايك باكيه.

برداسركن حديث اين جلس منمحبين أنتارا جيري ٢ سورغ مؤمن يغ سينر ايت لإاله برشكور دان برصير دالم مقهادقي سكل أنجمن دان دوكان دالم كهيدوقن دمي منجاري كريضان الله سبحانه وتعالى،

كران سسغكوهن هان كريضان الله سبحانه وتعالى سهاجله يغ دلمقيكن دان دحاجي دالم كهيدوقن كيت ددنيا اين.

سسغكوهن برسغا بوروق اداله منجادي فقهاغ كقد هوبوغن سسام مانسي، كران برسغا بوروق ايت بوله منمحبين قلباكي مساله، سقرت حسد دغكي، جهورو دان سبايكن، جنتوهن دغن اد فراسان حسد دغكي دالم ديري سسورغ ايت ميبين دي تيدق مراس سليسا دغن كحيان اورغ لايين، والوقون مريك ايت جيران تنشقا اتوقون راكن سكرج سهيك ميبين تيمبولن فرسليسيهن دان فتنه يغ اخيرن ممجهيلهكن صلة الرحم سسام مانسي. دغن برسغا بوروق جوك بوله مقهقيتكن سسورغ ايت برتيندق دلوار باتس كمانسيان، سهيك كادغ ٢ سغكوف ملاكون قفانيايان دان لبه دهشة لاكي سغكوف ملاكون جنايه.

اوله يغ دمكين، بواغله صقة برسغا بوروق ترسيوت دري ديري كيت دغن كمالي كقد اجارن اكلام اسلام يغ سينر. ساله ساتو جارن لإاله دغن مقربايقكن إستغفار دان موهن توبة كقد الله سبحانه وتعالى كران مانسي تيدق قرنه ترلقس دري ملاكون كسيلقن دان دوسا، سباكيان سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم:

عَنْ أَنَسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
كُلُّ بَنِي آدَمَ خَطَّاءٌ وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ
{ رواه الإمام الرمذی }

مقصودن:

دري انس كاتن: رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا: ستيف أنق آدم ايت اد كسيلقن (دوسا) دان اورغ يغ بردوسا يغ تربايك اداله مريك يغ برتوبة.

مسلمين يغ درحمي الله،

ساندين ستيف درقد ديري كيت مقحياتي دان مقمعلكن هيدوف سجارا برقيكران فوسيتيف دان تربوك سرت منريا سسوات ايت دغن برلافغ دادا، إن شاء الله سكل فرمسالمن ددالم كهيدوقن كيت سهارين اكن دافة كيت لالوي دان هداقي دغن تنغ دان موده. دغن جارا اين أومة لإسلام اكن تروس منوجو كقد متلامت انتوق منجافي كحيان دان كبهكيان ددنيا دان دأخيرة.

جسترو، ماريله كيت برسام ٢ منامكن عزم يغ تيشكي انتوق مقوكوهكن جاتي ديري يغ فوسيتيف يغ سميمغن وجود ددالم ديري كيت سباكي أومة لإسلام. ماريله كيت سام ٢ بردعاء سموك كيت دجاوهكن دري برصقة دغن صقة ٢ يغ بوروق دان سنتياس برصقة دغن صقة ٢ يغ بايك دان ترفوجي، آمين يا رب العالمين.

{ سورة آل عمران آية: ١١٠ }

تفسيرن:

كامو واهي أومة نبي محمد اداله سبايك ٢ أومة يغ دلاهيركن انتوق مانسي كران كامو مهوروه ربوات يغ معروف دان ملاغ درقد يغ منكر دان برلمان كقد الله. دان كالو أهل كتاب (يهودي دان نصراني) برلمان، تتوله يغ دمكين ايت بايك باكي مريك. تنافي سبايكن درقد مريك اد يغ برلمان دان كبايقن مريك لإاله اورغ فاسق.

مسلمين يغ درحمي الله،

ماريله كيت منيشكتكن كتقوان كيت كقد الله سبحانه وتعالى دغن فنوه كيقين دان كإخلاصن دغن ملاكون سكل سوروهنن دان منيشكلكن سكل لاراغنن. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يغ برلمان دان برتوقى سرت سلامة ددنيا دان سلامة دأخرة.

مسلمين يغ درحمي الله،

دالم منمقوه كهيدوقن سهارين يغ فنوه دغن جبارن، دوكان دان ريتناغن، كيت سباكي أومة لإسلام دتنتوت انتوق سنتياس برقيكران فوسيتيف دغن سماغة واجا دان تيدق موده برقوقوس أسا سرت سنتياس منجاوهي دري برقسغا بوروق دان نيكتيف سرت برصير. اين كران سكل دوكان يغ كيت هداقي مروفاكن قطره اتو لومره ددالم كهيدوقن مانسي. اي جوك مروفاكن أوجين درقد الله سبحانه وتعالى انتوق مقغل قسبي سيفكه دكالغن هميان يغ تربايك دري سكي عمل عباده مريك ددنيا. الله سبحانه وتعالى تله منجلسكن كقد هميان كناف مانسي ايت دتنتوت أكر برقيكران فوسيتيف دان منجاوهي دري برسغا بوروق سسام مانسي سباكيان فرمانن دالم سورة الحجرات آية ١٢:

تفسيرن:

واهي اورغ ٢ يغ برلمان! جاوهيله كبايقن درقد فراسغا، سسغكوهن سبايكن فراسغا ايت دوسا. دان جاغله كامو مقيتيف (منجاري ٢ كسالمن) اورغ دان جاغله سبايكن كامو مقومة سبايكن يغ لايين. ادكه سسورغ درقد كامو سوك مامكن داكيج سوداران يغ تله ماتي؟ مك سوده تتو كامو مراس جيقق كقدان. دان برتقواله كقد الله. سسغكوهن الله مها قترما توبة لاكي مها قفاسيه.

برقيكران فوسيتيف لبه دكنلي سباكي حُسْنُ الظَّنِّ يغ مياوا مقصود برسغا بايك. برسغا بايك اتو برقيكران فوسيتيف بوله منجيتقا كحيان دالم كهيدوقن. أوله ايت اكلام لإسلام أمة مغنحوركن أومتن برسغا بايك دالم كهيدوقن سقرتمان علماء قرنه برقسن كقد كيت دغن كاتن: حك أغكو برغو دغن سسورغ، مك يقينله بهوا دي لبه بايك دري مو. أوجفكنله دالم هاتيمو " موغكين كدودوقن ديسيبي الله سبحانه وتعالى

جاوه لبه بايك دان لبه تيشكي دريكو ". حك برغو أنق كجيل، مك أوجفكنله دالم هاتيمو : "أنق اين بلوم برمعية كقد الله، سدغكن ديريكو تله بايق برمعية كقدان. تتو أنق اين جاوه لبه بايك دريكو ". حك برغو اورغ توا، مك أوجفكنله دالم هاتيمو : "دي برعباده كقد الله جاوه لبه لام دريكو، تتو دي لبه بايك دريكو ". حك برغو دغن سورغ يغ برعلم، مك أوجفكنله دالم هاتيمو : "اورغ اين مقراوليهي كريا يغ تيدق اكن اكو قراوليهي، منجافي كدودوقن يغ تيدق اكن قرنه كو جافي، مقتهوي اف يغ تيدق اكو كتهوي دان دي مقمعلكن علمون، تتو دي لبه بايك دريكو ".

حك برغو دغن سورغ يغ بودوه، مك كاتكنله دالم هاتيمو: "اورغ اين برمعية كقد الله كران دي بودوه (تيدق تاهو)، سدغكن اكو برمعية كقدان قد حال اكو مقتهوي عقيبتن. اكو تيدق تاهو باكيان آخر عموركو دان عمورن كلق. دي تتو لبه بايك دريكو ". حك برغو دغن اورغ كافر، مك كاتكنله دالم هاتيمو: " اكو تيدق تاهو باكيان كادائن كلق، موغكين دأخير أوسيان دي مملوق لإسلام دان برعمل صالح. دان موغكين بوله جادي دأخير أوسيا ديريكو كقور دان ربوات بوروق ".

مسلمين يغ درحمي الله،

رسول الله صلى الله عليه وسلم جوك منجوشي سورغ مؤمن يغ برقيكران فوسيتيف دالم سكل أسقيق كهيدوقنن. بهكن ايت سيكف دان جيري ٢ مؤمن سجاتي يغ دتنتوت اوله اكلام كيت سباكيان سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم:

عَنْ صُهَيْبٍ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ، وَلَيْسَ ذَلِكَ لِأَخَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ،
إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَّاءٌ شَكَرَ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ، وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَّاءٌ صَبَرَ،
فَكَانَ خَيْرًا لَهُ. { رواه الإمام مسلم }

Istiadat Pembukaan Rasmi Permesyuaratan Ke-12 MMN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2016 di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.



Laporan :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Ampuan Haji Mahmud Ampuan
Haji Tengah, Hamzah Mohidin,
Hernie Suliana Haji Othman,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bermula hari ini bagi membincangkan pelbagai isu untuk kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN yang berlangsung penuh tradisi di Dewan Persidangan MMN, Banguna Dewan Majlis.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri juga merupakan Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di pekarangan Bangunan Dewan Majlis itu dijunjung oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda dan adinda-adinda baginda ketika berkenan bergambar ramai bersama ahli-ahli MMN.



BERANGKAT sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri juga merupakan Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM berkenan menerima tabik hormat diraja dan seterusnya berangkat memeriksa barisan kawalan kehormatan yang terdiri lebih kurang 100 anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang diketuai oleh Pegawai Pemerintah Perbarisan, Penguasa Polis Awang Haji Mohammad Azrie bin Haji Talip.

Kemudian baginda dijunjung berangkat masuk ke Dewan Persidangan dengan

diiringi oleh Yang Di-Pertua MMN yang didahului oleh Bentera Dewan yang membawa Cokmar.

Pada istiadat tersebut, baginda berkenan mengurniakan titah.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Baginda bersama-sama dengan anakanda dan adinda-adinda baginda berserta

Ahli-Ahli MMN kemudian berkenan berangkat bagi sesi bergambar ramai.

Terdahulu dari itu, sebelum Istiadat Pembukaan Rasmi telah diadakan Majlis Mengangkat Sumpah bagi lima Menteri Kabinet baharu kerana jawatan dan seterusnya mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN bagi mengesahkan Minit Persidangan MMN.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-11 yang telah



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Suffri Bolkiah ketika berangkat pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN.

bersidang selama 13 hari mulai dari 5 hingga 23 Mac 2015 bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

MMN musim ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed

Taib, selaku Yang Di-Pertua MMN.

Dibantu oleh Jurutulis I (Pertama) MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar dan Timbalan Jurutulis MMN, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail.

Persidangan MMN Ke-12 ini juga akan membahaskan Peruntukan Belanjawan Negara Bagi Tahun Kewangan 2016 dan 2017 Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan dan juga akan membahaskan serta meluluskan belanjawan bagi peruntukan kemajuan negara, usul menyebarkan menjunjung kasih atas keberangkatan dan kurnia titah Kebawah DYMM, soalan-soalan yang diberi notis, usul-usul yang telah diberi notis dan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan 2016 / 2017.

MMN ditubuhkan menurut Bab 23 dari Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 dan ahli-ahlinya dilantik menurut Bab 24, MMN telah dibubarkan pada tahun 1984.

Pada 25 September 2004, MMN telah mula bersidang semula. Majlis ini dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN yang dilantik oleh baginda.

Hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Ahli Majlis Mengangkat Raja, Timbalan-Timbalan Menteri, Ahli Majlis Ugama Islam, Duta-Duta Besar, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi Luar Negeri, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



SUASANA Dewan Persidangan MMN, di mana bagi memberkati majlis Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



PARA diplomat asing ke negara ini (kanan) dan lain-lain jemputan yang terdiri daripada Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan (kiri) hadir pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN 2016.



BENTERA Dewan yang membawa Cokmar berjalan masuk ke Dewan Persidangan MMN bagi mendahului upacara Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN 2016.



AHLI-AHLI MMN Yang Dilantik Kerana Jawatan yang terdiri daripada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet.



AHLI-AHLI Yang Berhormat MMN daripada Ahli-ahli Yang Dilantik yang terdiri daripada Orang-Orang Yang Bergelar, Yang Telah Mencapai Kecemerlangan dan Mewakili Daerah-Daerah.



PSC Recruitment
recruitment.gov.bn

IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

UNTUK MENGETAHUI DENGAN LEBIH LANJUT SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS-TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN BERKENAAN SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

Syarat-Syarat Am:

- Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dipelawa daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan sahaja (Bagi iklan menggunakan Peraturan 38 sahaja).
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara begilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan- rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

PERATURAN 7(a)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP: 21 Mac 2016

1. PEGAWAI PELAJARAN G.13 BAHAGIAN II INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KEKOSONGAN = 2	2. PENGAWAS PROJEK D.3-4 EB.5 BAHAGIAN IV JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA KEKOSONGAN = 1	3. PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN D.3 EB.4 BAHAGIAN IV KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR KEKOSONGAN = 1
--	---	--

PEMBERITAHUAN

PERUBAHAN TATACARA PENERBITAN IKLAN BAGI PERATURAN 7(A), 38(A) DAN 38(B)

Mulai daripada 04 Mac 2015, pengiklanan jawatan kosong sama ada melalui Peraturan 7(A), 38(A) dan 38(B) akan diiklankan secara serentak dan dikeluarkan 3 kali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu.

TATACARA PERMOHONAN BAGI ORANG RAMAI DAN WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

Penggunaan kali pertama:

- Semua pemohon hendaklah mempunyai akaun e-Darussalam. Bagi yang belum mempunyai akaun, hendaklah mendaftar akaun e-Darussalam di www.gov.bn. Setelah mendapatkan *username* dan *password* akaun e-Darussalam, pemohon bolehlah mendaftar masuk ke Portal PSC Recruitment.
- Sila pastikan awda memasukkan e-mel yang betul dan aktif semasa membuat pengesahan di PSC Recruitment.
- Melengkapkan ruangan 'Profil Saya' (*My Profile*) dan memuatnaik sijil-sijil atau dokumen-dokumen dalam format pdf mengikut peringkat kelulusan atau jenis dokumen.

Penggunaan Seterusnya:

- Awda boleh mengemaskini profil awda pada bila-bila masa, jika perlu.
- Untuk melihat jawatan yang diiklankan awda boleh memilih 'Carian Pekerjaan' (*Search Job*) atau lihat jawatan 'Atas 5 Kekosongan' (*Top 5 Vacancies*) atau klik 'Carian Lanjutan' (*Advance Search*) dan bagi membuat permohonan klik 'Pohon' (*Apply*).
- Panggilan ujian, temuduga atau keputusan permohonan akan dihantar ke e-mel awda melalui PSC Recruitment.
- Permohonan yang **DIHADAPKAN SELEPAS tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.**

Maklumat Tambahan:

- Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapi bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh **dua (2) tahun berturut-turut**.
- Kemudahan Komputer dan Mesin Imbas (*Scanner*) ada disediakan bagi kegunaan orang ramai seperti berikut:-
 - Pejabat Daerah Belait;
 - Pejabat Daerah Temburong.
 - Jabatan Bandaran Daerah Tutong.

PERINGATAN TAMBAHAN KEPADA WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

- Sentiasa memastikan maklumat awda di dalam Rekod Perkhidmatan GEMS adalah tepat dan terkini.
- Permohonan yang telah dihadapkan akan disalurkan terlebih dahulu secara *online* kepada Pegawai Penghubung atau PoC Kementerian / Jabatan masing-masing.
- Laporan Sulit mengenai peribadi, mutu kerja pemohon dan sebagainya hendaklah dimuatnaik oleh PoC ke dalam Portal PSC Recruitment.
- Bagi Pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
- Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** selama tempoh perkhidmatannya.

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:

PSC RECRUITMENT: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn

E-DARUSSALAM: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn

GEMS: +6732382407 ATAU E-MEL gems.helpdesk@psd.gov.bn

UNTUK MEMBACA MAKLUMAN ATAU SOALAN LAZIM SILA LAYARI: www.spa.gov.bn ,
recruitment.gov.bn & FACEBOOK Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam-Brunei


KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN
MINDEF/DFA/RC/05(2)
LAUNDRY SERVICE
(NORMAL WASHING) FOR MUARA -
FIVE (5) YEAR CONTRACT
BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

TAWARAN
MINDEF/DFA/RC/06(2)
PERKHIDMATAN "LAUNDRY"
(CUCIAN BIASA)
UNTUK TENTERA, RIMBA -
FIVE (5) YEAR CONTRACT
BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

TAWARAN
MINDEF/DFA/RC/144(2)
LAUNDRY SERVICE FOR THE
THIRD BATTALION, LUMUT CAMP -

FIVE (5) YEAR CONTRACT
BAYARAN TAWARAN :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

SYARAT-SYARAT TAWARAN

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, hari Selasa, 29 Mac 2016** di Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) bermula pada 7 Mac 2016.

b. Bayaran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510,

Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :

Isnin - Khamis :
8.00 Pagi - 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang - 3.00 Petang
Jumaat : 8.00 Pagi - 11.30 Pagi
2.30 Petang - 3.00 Petang

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima

lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini.

i. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>.


KEMENTERIAN KESIHATAN
PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **hari Sabtu, 20 Februari 2016. Sila layari website Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.**

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan, BB 3910
Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Selasa, 22 Mac 2016.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu Menerima Bayaran
ISNIN hingga KHAMIS
8.00 PAGI hingga 11.00 PAGI
2.00 PETANG hingga 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI hingga 10.00 PAGI

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil pendaftaran perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (*Drug and Medicine*) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah *Poison Act (Cap. 114)*.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN

BIL. TAWARAN : KK/20/2016 (UPP)(TC)
KETERANGAN : SUPPLY AND DELIVERY
OF LAUNDRY DETERGENT FOR RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA
(RIPAS) HOSPITAL
FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

YURAN TAWARAN : BND50.00
TAWARAN TARIKH TUTUP : Tidak lewat jam 2.00 Petang, 22 Mac 2016.

IKLAN WEBSITE PADA 20 FEBRUARI 2016.


DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS
TEMBURONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
SURAT KUASA PUSAKA

NO. TEMB/LA/01/2016

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AZILANAWATI BINTI AHAD** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AHAD BIN HAJI TENGAH** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TEMBURONG** pada **26 MAC 2016, pada jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, DAERAH TEMBURONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Mac 2016.

(MUHAMMAD HARDY IMAN
BIN MUHAMMAD UKIT)
Pendaftaran Mahkamah Rendah
B/p. Timbalan Pegawai Waris
Temburong
Negara Brunei Darussalam.

SURAT KUASA PUSAKA

NO. TEMB/LA/09/2015

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MD. AMIN BIN HAJI IBRAHIM** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI IBRAHIM BIN MANAN** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TEMBURONG** pada **26 MAC 2016, pada jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, DAERAH TEMBURONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Mac 2016.

(MUHAMMAD HARDY IMAN
BIN MUHAMMAD UKIT)
Pendaftaran Mahkamah Rendah
B/p. Timbalan Pegawai Waris
Temburong
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**TAWARAN
RANCANGAN PERMAKANAN
SEKOLAH BAHAGIAN SKIM MINUM**

**BILANGAN TAWARAN
KETERANGAN BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN
TARIKH TUTUP DAN WAKTU**

MOE/LTK/79/2015/2016
(DA[BPPA-FEB-2016])
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH,
BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH KIUDANG
2. SEKOLAH RENDAH KAMPUNG
MENENGAH
3. SEKOLAH RENDAH PENAPAR
DAERAH TUTONG,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN +
SATU (1) TAHUN (PILIHAN)
[BAGI KOD BLOK : SM/44]
BND30.00
(Bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan)
8 Mac 2016
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

MOE/LTK/80/2015/2016
(DA[BPPA-FEB-2016])
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH,
BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI :
3. SEKOLAH RENDAH ORANG KAYA
PEMANCHA BERANDAI
BUKIT SAWAT
4. SEKOLAH RENDAH
MERANGKING
3. SEKOLAH RENDAH LABI,
KAMPUNG GATAS LABI
DAERAH BELAIT,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN +
SATU (1) TAHUN (PILIHAN)
[BAGI KOD BLOK : SM/51]
BND10.00
(Bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan)
8 Mac 2016
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**TAWARAN RANCANGAN
PERMAKANAN SEKOLAH
BAHAGIAN ASRAMA KERING**

**BILANGAN TAWARAN
KETERANGAN BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN
TARIKH TUTUP DAN WAKTU**

MOE/LTK/81/2015/2016
(DA[BPPA-FEB-2016])
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH,
BAHAGIAN ASRAMA KERING BAGI
SEKOLAH VOKASIONAL NAKHODA
RAGAM, KM. 13,
JALAN LEBUHRAYA MUARA TUTONG
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN +
SATU (1) TAHUN (PILIHAN)
[BAGI KOD BLOK : AK/02]
BND50.00
(Bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan)
8 Mac 2016
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

MOE/LTK/82/2015/2016
(DA[BPPA-FEB-2016])
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH,
BAHAGIAN ASRAMA KERING BAGI
MAKTAB SAINS PADUKA SERI
BEGAWAN SULTAN, JALAN MUARA
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN +
SATU (1) TAHUN (PILIHAN)
[BAGI KOD BLOK : AK/03]
BND30.00
(Bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan)
8 Mac 2016
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

MOE/LTK/83/2015/2016
(DA[BPPA-FEB-2016])
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH,
BAHAGIAN ASRAMA KERING BAGI
SEKOLAH SUKAN
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN +
SATU (1) TAHUN (PILIHAN)
[BAGI KOD BLOK : AK/08]
BND50.00

(Bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan)
8 Mac 2016
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

MOE/LTK/84/2015/2016
(DA[BPPA-FEB-2016])
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH,
BAHAGIAN ASRAMA KERING BAGI
SEKOLAH VOKASIONAL WASAN
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN +
SATU (1) TAHUN (PILIHAN)
[BAGI KOD BLOK : AK/09]
BND30.00
(Bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan)
8 Mac 2016
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN
WANG BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN
ISNIN HINGGA KHAMIS :
8.00 PAGI HINGGA 11.45 PAGI
1.45 PETANG HINGGA 3.00 PETANG
SABTU :
8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI**

Syarat-Syarat Iklan Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Bayaran yuran tawaran bagi setiap tawaran adalah dikehendaki dalam bentuk Wang Tunai. Penender adalah dikehendaki membayar semua yuran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide tender*).
3. Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
4. Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar yuran Tawaran, di **Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam**. Sila pastikan resit pembayaran yuran tawaran yang diterima adalah betul.

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN
WANG BAYARAN YURAN /**

**DOKUMEN TAWARAN
ISNIN HINGGA KHAMIS
8.00 PAGI HINGGA 11.45 PAGI
1.45 PETANG HINGGA 3.00 PETANG
SABTU**

8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI
5. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di **Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam** dengan menyertakan resit pembayaran.

6. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran perniagaan dan salinan resit bayaran yuran tawaran.

7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran, Tajuk Tawaran dan Tarikh Tutup Tawaran tanpa menunjukkan identiti Penender dan ditujukan kepada :

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BLOK 'A', TINGKAT 1
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
KEWANGAN 'A'
LAPANGAN TERABNG LAMA
BERAKAS
BANDAR SERI BEGAWAN, BA 3510
NEGARA BRUNRI DARUSSALAM.**

8. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Blok 'A' Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam**.

9. Tawaran-Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai Tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

11. Setiap tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **hari Rabu, 13 Februari 2016**. Sila layari laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan
Commonwealth Drive**

**Bandar Seri Begawan, BB 3910
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen-dokumen tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Selasa pada 15 Mac 2016**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (**dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan**). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran
ISNIN - KHAMIS
8.00 PAGI - 11.00 PAGI
2.00 PETANG - 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI - 10.00 PAGI**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (*Drug and Medicine*) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah *Poison Act (Cap. 114)*.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari

Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN

**BIL TAWARAN :
KK/18/2016(SMS)(TC)**

**KETERANGAN
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF CSSD CONSUMABLES
FOR STATE MEDICAL STORE
FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00
TARIKH TUTUP :
tidak lewat Jam 2.00 Petang :
15 Mac 2016.**

**IKLAN WEBSITE PADA
13 FEBRUARI 2016.**



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada kontraktor yang berdaftar di dalam Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas I, II, III, IV, V & VI, Sijil Pendaftaran *Section 16 & 17* atau Kategori Elektrikal (E01, M03, KP04, KA01).

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Tajuk Tawaran 1 :

"The supply and training for Bird Scaring Equipment at Brunei International Airport"

Bilangan Tawaran : AME/2016-2017/SH-08

Tajuk Tawaran 2 :

"Term contract For wildlife issues at Brunei International Airport"

Bilangan Tawaran : AME/2016-2017/SH-09

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran : Tidak lewat jam 2.00 Petang, 15 Mac 2016, hari Isnin.

Tarikh tutup tawaran pada : hingga pukul 2.00 Petang, 16 Mac 2016, hari Rabu.

Kepada :

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah Bahagian Kewangan
Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Perhubungan
Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Penerbangan Awam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, hari Rabu, 16 Mac 2016**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Tawaran (*retender*), syarikat yang pernah membeli dokumen projek hendaklah membawa bersama pembayaran yuran tawaran telah dibuat dengan menunjukkan resit pembayaran yuran semasa waktu-waktu bekerja biasa.

5. Iklan tawaran bolehlah dilihat melalui lama *website* <http://www.civilaviation.gov.bn>.

6. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperolehi dokumen- dokumen dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan **membayar yuran tawaran sebanyak BND10.00 (hardcopy) - tidak dikembalikan** bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu berkerja seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
1.45 Petang hingga 3.30 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
1.45 Petang hingga 3.30 Petang**

7. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

9. Sesi taklimat tawaran (*briefing*) atau / dan lawatan tapak (*site visit*) bagi tawaran akan diadakan seperti berikut :

**Pada : 14 Mac 2016 (hari Isnin)
Jam : 8.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
1.45 Petang hingga 3.30 Petang
Tempat Berkumpul :
Dewan Serbaguna
Bangunan Pengurusan dan Kejuruteraan Pemeliharaan Aset (AME)
Jabatan Penerbangan Awam
Negara Brunei Darussalam.**



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PENGUMUMAN

**PEMBATALAN IKLAN
DI UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

TARIKH KELUARAN : 02.03.2016
TARIKH TUTUP IKLAN : 31.03.2016

**PENOLONG PENDAFTAR
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
TANGGAGAJI: UB.1 EB.2 (\$2,450 - \$4,240)
KEKOSONGAN: 1 ORANG**

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa iklan bagi jawatan yang tersebut di atas adalah **DIBATALKAN**.



**BIRO MENCEGAH RASUAH
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN : BMR/SH/1/2016

TAJUK TAWARAN :

**1. KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT
KAWASAN PERUMAHAN BIRO MENCEGAH RASUAH (BMR),
SIMPANG 336-52-38 DAN 336-52-30, TAMAN MUYASSARAH,
JALAN KEBANGSAAN LAMA**

BILANGAN TAWARAN : BMR/SH/2/2016

TAJUK TAWARAN :

**2. KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN
BAGI IBU PEJABAT BIRO MENCEGAH RASUAH
TERMASUK DEWAN RIADAH**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan serta mempunyai Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (*Certificate of Registration Business Names Act*) yang sah.

2. Syarikat yang berhasrat untuk mengikuti tawaran ini dikenakan bayaran bagi setiap pengambilan satu (1) borang tawaran atau dokumen tawaran sebanyak **BND10.00 (Sepuluh Ringgit Sahaja)** dan hendaklah membuat pembayaran di **Bahagian Kewangan, Biro Mencegah Rasuah** pada waktu-waktu bekerja biasa dan salinan resit hendaklah disertakan semasa menghantar tawaran. Wang borang tawaran atau dokumen tawaran tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik kerajaan.

3. Tawaran hendaklah dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan **Tajuk dan Bilangan Tawaran** tanpa menunjukkan identiti penawar.

4. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran ke alamat seperti berikut :

**Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah
Bangunan Lama, Lapangan Terbang Lama Berakas
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam, BB3510.
tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Rabu, 16 Mac 2016.**

5. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Syarikat-syarikat yang berhajat boleh mendapatkan keterangan-keterangan lanjut berhubung dengan tawaran berkenaan di **Bahagian Kewangan, Jabatan Biro Mencegah Rasuah,**

Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam pada waktu bekerja biasa.

7. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran sama ada yang rendah atau lain-lain tawaran.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **12 MAC 2016, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 MAC 2016.

(DK. NORAFIDAH BINTI PG. HAJI BUNGSU)

B/p. Timbalan Pegawai Waris Tutong

Negara Brunei Darussalam.



**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS
TUTONG**

SURAT KUASA PUSAKA

NO. T/LA/01/2016

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **U'MAR BIN HAJI ASPAL** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ROHAYA BINTI ISMAIL** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.



**JABATAN PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PEPERIKSAAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BILANGAN : 02/2016

**PEPERIKSAAN LONDON CHAMBER OF COMMERCE AND INDUSTRY
[SERIES 3] JUN 2016**

**Bertarikh : 9 Jamadilawal 1437 / 18 Februari 2016
Rujukan : BE/DE/C/2**

JABATAN Peperiksaan, Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa Peperiksaan London Chamber of Commerce and Industry (LCCI) SERIES 3 Jun 2016 akan dibukakan pendaftarannya pada :

**Tarikh :
7 hingga 21 Mac 2016**

**Tempat mengambil borang :
Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan
Lapangan Terbang Lama Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510.**

**Jam : 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang
(Isnin hingga Khamis)
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi (hari Sabtu)**

Tarikh tutup pendaftaran : 21 Mac 2016 (Isnin)



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

JEMPUTAN UNTUK MEMBERI TAWARAN

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/BPP/002/2016

**TAJUK TAWARAN :
MAINTENANCE OF 400W STREET LIGHTING WITHIN BELAIT DISTRICT
FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS**

**Tarikh Tutup :
29 MAC 2016
(HARI SELASA, JAM 2.00 PETANG)**

**Yuran Tawaran : BND50.00
(tidak dikembalikan)**

Tempat tutup :

'TENDER BOX'

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil

Jabatan Perdana Menteri

Jalan Menteri Besar

Negara Brunei Darussalam.

KELAYAKAN : Pembeda yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi kategori E01 ATAU E02 DALAM KELAS 3, 4 DAN 5, mempunyai pekerja mahir yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik serta mempunyai peralatan / kemudahan bagi mengendalikan kerja tersebut.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Bahagian Tawaran, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Perhatian : Sila bawa salinan 'BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958-SECTION 16 & 17' dan sijil pendaftaran Kementerian Pembangunan semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



**INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BAHAGIAN PENDIDIKAN
LANJUTAN & LATIHAN
INSTITUT PENDIDIKAN
TEKNIKAL BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**SIMPANG 347
JALAN PASAR BAHARU
GADONG, BE 1310
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**SIARAN MAKLUMAN
KURSUS-KURSUS
YANG AKAN DIJALANKAN.**

DIMAKLUMKAN bahawa Kursus Pendek bagi bulan Mac ini dibukakan kepada orang ramai yang berminat.

Antara kursus-kursus yang ditawarkan, iaitu :

**1) KURSUS PENDEK KRAF
TANGAN**
- Sulaman Manik
- Songkok
- Membuat Beg
- Brooch
- Crochet

2) KURSUS PENDEK JAHITAN
- Baju Kurung Moden
- Shawl
- Sarung Kerusi
- Gubahan Bunga
- Lapik Meja Skirting
- Baju Cara Melayu
- Menjahit Langsir
- Menghias Barang Hantaran
Perkahwinan
- Jubah / Gamis
- Seluar Panjang
- Telekung
- Daster dan Sinjang
- Blouse
- Long Skirts

**3) KURSUS PENDEK
KOSMETOLOGI**
- Advance Make Up

- Basic Make Up
- Basic Facial
- Face Painting
- Basic Henna Designing
- Pedicure and Manicure
- Hairstyling
- Haircutting
- Make Up Course

**4) KURSUS MASAKAN BERLAUK
5) KURSUS MASAKAN KUIH MUIH
6) KURSUS TULISAN SENI KHAT
ASAS (NASAKH)
7) KURSUS PENDEK ICT**

Bagi pertanyaan lebih lanjut mengenai Kursus Pendek bolehlah menghubungi pegawai yang berkenaan :

- Cikgu Aida (KURSUS PENDEK KRAF TANGAN) di talian +673 2422493 sambungan 217.

- Cikgu Alyani (KURSUS PENDEK JAHITAN) di talian +673 2422493 sambungan 216 / Cikgu Mulsinah sambungan 221.

- Cikgu Nurul Ain (KURSUS PENDEK KOSMETOLOGI) di talian +673 2422493 sambungan 208.

- Cikgu Rosinah (KURSUS MASAKAN) di talian +673 2422493 sambungan 206.

- Cikgu Pg. Zainul (KURSUS TULISAN SENI KHAT ASAS) di talian +673 2422493 sambungan 207.

- Cikgu Haji Farizul (KURSUS PENDEK ICT) di talian +673 2422493 sambungan 219.

Jika berminat sila ambil borang dan membuat pembayaran semasa waktu dan hari bekerja.

**Bertempat :
Bahagian Pendidikan Lanjutan
dan Latihan
Simpang : 347**

**Jalan Pasar Baharu Gadong
Institut Pendidikan Teknikal Brunei
Kementerian Pendidikan.
+673 2422493**



**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

PEMBATALAN TAWARAN

DIMAKLUMKAN bahawa kenyataan tawaran seperti di bawah ini adalah dibatalkan atas sebab-sebab tertentu.

KENYATAAN TAWARAN

**BILANGAN TAWARAN :
JBBSB/SH/2015-2016/70/PRO/TENDER**

**TAJUK : DESIGN, FABRICATION, SUPPLY
AND INSTALLATION OF AWNING
AT NEW TAMU KIANGGEH BUILDING.**

**TARIKH MULA PENGAMBILAN DOKUMEN :
24 Februari 2016**

**TARIKH AKHIR :
8 Mac 2016
Jam 12.00 Tengah Hari
PENGAMBILAN DOKUMEN**

TARIKH TUTUP TAWARAN : Selasa, 15 Mac 2016 (Sebelum jam 2.00 Petang).



**AUTORITI KAWALAN BANGUNAN
DAN INDUSTRI PEMBINAAN (ABCI)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**JUALAN LELOG SECARA TAWARAN TERTUTUP
BAGI PERALATAN DAN PERABOT PEJABAT
BILANGAN TAWARAN : KPN/ABCI/TAWARAN/01/2016**

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat swasta dan orang awam di Negara Brunei Darussalam yang berminat untuk membuat TAWARAN HARGA secara tertutup bagi peralatan dan perabot pejabat di Kementerian Pembangunan.

1. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam :

**PETI SEBUT HARGA
BAHAGIAN KEWANGAN
TINGKAT BAWAH
BANGUNAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

2. Tawaran-tawaran mestilah dihantar tidak lewat pada hari Isnin, 14 Mac 2016, jam 9.00 Pagi.

3. Borang tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut boleh diperolehi di **Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas** pada bila-bila masa waktu bekerja bermula **24 Februari hingga 8 Mac 2016**.

4. Syarikat-syarikat dan orang awam yang berminat untuk turut serta membuat tawaran bolehlah melihat peralatan berkenaan yang hendak dilelong pada tarikh dan jam berikut :

**Tarikh : 8 Mac 2016
Jam : 9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
Tempat : Tingkat 3
Bangunan Kementerian Pembangunan**

5. Borang tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan BILANGAN TAWARAN dan TAJUK TAWARAN tanpa membubuh nama penawar di luar sampul surat tersebut.

6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran rosak dan tawaran secara pos tidak akan dilayan.

7. Syarat-syarat tawaran ada disertakan bersama borang tawaran yang disediakan.

8. Senarai peralatan seperti berikut :

LOT 1

1. Photocopy - 1
 2. Photocopy - 1
 3. Typewriter machine - 1
 4. Typewriter machine - 1
 5. Typewriter machine - 1
 6. Binding - 1
 7. Fax machine - 1
 8. Fax machine - 1
 9. Fax machine - 1
- Jumlah : 9**

**Harga permulaan lelong :
BND50.00 bagi kesemua peralatan pejabat Lot. 1.**

LOT 2

1. Telefon - 3
 2. Kerusi - 5
 3. Meja - 2
- Jumlah : 10**

**Harga permulaan lelong :
BND10.00 bagi kesemua peralatan dan perabot pejabat Lot. 2.**



KEMENTERIAN KESIHATAN

**JUALAN SECARA TAWARAN AWAM / LELOG
HARTA BENDA KERAJAAN KEPUNYAAN
HOSPITAL PENGIRAN MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH
TUTONG, KEMENTERIAN KESIHATAN**

Bilangan rujukan : KKW / ADM / KEM / 10, bertarikh 5 Ramadan 1436 / 22 Jun 2015, 7 Zulhijjah 1436 / 21 September 2015 dan 3 Rabiulawal 1437 / 15 Disember 2015.

Bil. KETERANGAN HARTA BENDA - JUMLAH

1. Printer HPDJ5440 - 1 Unit
2. Printer Canon 5200 SPX - 1 Unit
3. Onitor Siemen AG - 1 Unit
4. CPU Siemens Scenic 500 - 1 Unit
5. CPU Dell Optiplex G1 - 1 Unit
6. Monitor HP - 1 Unit
7. Monitor 'Multiscan'
8. Monitor Scenic - 1 Unit
9. CPU Scenic - 1 Unit
10. Monitor Acer AC711 - 1 Unit
11. CPU Acer Veriton 5100 - 1 Unit
12. Monitor Acer AJ 15 - 1 Unit
13. Keyboard Acer - 1 Unit
14. Mouse Acer - 1 Unit
15. Monitor Palette - 1 Unit
16. Monitor Acer AC711 - 1 Unit
17. Wooden plint - 1 Unit
18. Suction pump sam 12 - 1 Unit
19. Traction table - 1 Unit
20. Tec cycle - 1 Unit
21. Nebulizer Solvet II Hoyer Bremen Silvet II HC - 1 Unit
22. Reclining Chair - 12 Unit
23. Electric kettle (Phillips) HL-2598 - 1 Unit
24. Electric kettle (National) NL-41A - 1 Unit
25. Kipas Angin (National) F-403X - 1 Unit
26. peti Sejuk (Sanyo model 5R 26 F) - 1 Unit
27. Operating Table - 2 Unit
28. Drip Stand - 1 Unit
29. Vicker Medical Model 183 - 1 Unit
30. Mother Craft Chair - 2 Unit
31. Medium Beak Chair - 3 Unit
32. Baby Cot - 4 Unit

Caj borang tawaran dikenakan dengan harga BND10.00.

Tempat mengambil borang di **Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.**

Tarikh terakhir mengambil borang pada : **hari Isnin, 28 Mac 2016, sebelum jam 10.00 Pagi.**

Tarikh Tutup menghantar borang sebut harga pada : **hari Khamis, 31 Mac 2016, jam 9.00 Pagi.**

Tarikh melihat peralatan / perkakas dan perabot hospital pada : **hari Isnin hingga Khamis, 21 hingga 24 Mac 2016, jam 9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi.**

Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat dan harta benda, lokasi-lokasi dan borang sebut harga, sila hubungi talian +673 4260721 sambungan 213 di **Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.**



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

NOTIS JUALAN LELOG

**KASTAM / LELOG / 1 / 2016
PERALATAN / PERKAKAS
DAN PERABOT PEJABAT TERPAKAI**

Lot Keterangan Barang

1. KERUSI
2. MEJA
3. TYPEWRITER ELECTRONIC
4. PROJECTOR 3M SLIDE
5. CABINET
6. CALCULATOR
7. FAX MACHINE

8. JENDELA ALUMINIUM

**KETERANGAN LELOG INI
ADALAH SEPERTI BERIKUT :**

PADA : 5 MAC 2016

HARI : SABTU

JAM : 9.00 PAGI

BERTEMPAT :

IBU PEJABAT KASTAM

JABATAN KASTAM

DAN EKSAIS DIRAJA

JALAN MENTERI BESAR

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

SYARAT-SYARAT JUALAN LELOG :

1. JUALAN lelong ini adalah terbuka kepada orang awam atau syarikat-syarikat swasta.

2. Peralatan / perkakas dan perabot jualan lelong ini adalah seperti adanya (*as it is*).

3. Borang-borang boleh diperolehi di Unit Pentadbiran dan Kakitangan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Negara Brunei Darussalam.

4. Tidak ada jaminan ke atas barang-barang ini.

5. Barang jualan lelong ini tidak boleh dikembalikan selepas jualan dan wang-wang bayaran tidak akan dikembalikan.

6. Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang bertutup dan tanpa menunjukkan identiti syarikat / pemborong atau orang persendirian serta ditulis bilangan tawaran dan tajuk seperti berikut :

**TAWARAN :
KASTAM / LELOG 1/2016 :
JUALAN LELOG
PERALATAN / PERKAKAS DAN
PERABOT PEJABAT TERPAKAI
JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

7. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lantai Dasar, Bangunan Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada :

**Hari : Selasa
Tarikh : 8 MAC 2016**

Jam : 2.00 PETANG

8. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **hari Rabu, 17 Februari 2016**. Sila layari *website* Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan, BB 3910
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Selasa, 15 Mac 2016**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran
ISNIN hingga KHAMIS
8.00 PAGI hingga 11.00 PAGI
2.00 PETANG hingga 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI hingga 10.00 PAGI**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil pendaftaran perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (*Drug and Medicine*) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah *Poison Act (Cap. 114)*.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang
KK/19/2016 (ESTET)(TC)	THE PROVISION OF MAINTENANCE SERVICES FOR PLUMBING SANITARY AND DRAINAGE UNDER RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA HOSPITAL FOR A PERIOD OF FIVE(5) YEARS Kelayakan Pembekal/Pemborong: Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan Kelas: III & IV Kategori: KA01	\$50.00	15/03/2016

IKLAN WEBSITE PADA 17HB FEBRUARI 2016


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM
KELAS : 'ACCREDITED TESTING
COMPANIES REGISTERED WITH
MINISTRY OF DEVELOPEMENT
SAHAJA
KATEGORI : -**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
15 MAC 2016 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP:
29 MAC 2016 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM:
2.00 PETANG**

**BIL. : JKR/DME/04/BPB/2016
NAMA PROJEK :
ANNUAL CONFORMITY
ASSESSMENT SERVICE FOR LIFTS,
ESCALATORS AND DUMBWAITERS
IN GOVERNMENT BUILDINGS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
FOR A PERIOD
THIRTY-SIX (36) MONTHS**

**YURAN TAWARAN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM
KELAS : III, IV & V SAHAJA
KATEGORI : (5j SAHAJA) -
(KOD LAMA)
(M01 SAHAJA) - (KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
15 MAC 2016 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP:
29 MAC 2016 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM:
2.00 PETANG**

**BIL. : JKR/DME/05/BPB/2016
NAMA PROJEK :
TERM CONTRACT FOR OPERATION
AND MAINTENANCE WORKS
OF AIRCONDITIONING SYSTEM
AT DEWAN MAJLIS BUILDING
FOR THREE (3) YEARS
(NO. PROJEK: AM-002/2016)**

**YURAN TAWARAN : BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI DALAM
KELAS : III & IV SAHAJA
KATEGORI : KA01 SAHAJA**

**TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN PADA : 2 MAC 2016**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :**

**TIDAK LEWAT DARI
JAM 3.30 PETANG,
HARI SELASA, 22 MAC 2016**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
TIDAK LEWAT DARI JAM:
2.00 PETANG, HARI SELASA,
29 MAC 2016**

**BIL. : JKR/DOR/SRM 02/2016
NAMA PROJEK :
PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN
PEJABAT KEDUTAAN BESAR
REPUBLIK KOREA, DI DIPLOMATIC
ENCLAVE ATAS, LOT 24160,
KAMPUNG KIANGGEH,
MUKIM KIANGGEH,
DAERAH BRUNEI DAN MUARA.
(JALAN MASUK UTAMA
DAN LONGKANG KELILING).**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIGA PULUH RINGGIT
SAHAJA & TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : TIDAK ADA**

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...")) bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

**SEBUT HARGA BARANG
YANG DILELONG**

**Bil 1. TAJUK SEBUT HARGA :
Jualan lelong bagi Sembilan (9) Unit
(1 Lot) peralatan elektrik di
Pejabat Unit Pengembangan Pertanian
Daerah Temburong, Kampung Puni,
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.**

**BUTIR KETERANGAN BARANG :
Sembilan (9) Unit Penghawa Dingin**

**TEMPAT MELIHAT :
Pejabat Unit Pengembangan Pertanian
Daerah Temburong.**

**Bil 2. TAJUK SEBUT HARGA :
Jualan lelong 60 unit (1 Lot)
mesin rumput di Bengkel Wasan,
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.**

**BUTIR KETERANGAN BARANG :
60 Unit Maruyama Grass Cutter**

**TEMPAT MELIHAT :
Pertanian Wasan.**


**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**
**JUALAN LELONG SECARA
SEBUT HARGA TERTUTUP
BAGI HARTA BENDA KERAJAAN**

ADALAH dengan ini diberikan notis, iaitu bahawa **Jualan Lelong secara SEBUT HARGA TERTUTUP** bagi perkakas / peralatan pejabat kepunyaan Pejabat Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, orang ramai yang berminat untuk membeli bolehlah mendapat borang jualan lelong secara sebut harga tertutup di alamat :

**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS.**

SYARAT-SYARAT KHAS

1. Tawaran adalah dipelawa kepada

pemborong firma swasta dan orang ramai.

2. Caj bagi setiap borang tawaran adalah berharga **BND10.00 (tidak dikembalikan)**.

3. Barang yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.

4. Penender adalah bertanggungjawab untuk memeriksa dan meneliti keadaan kenderaan yang ditawarkan sebelum menyertai tawaran ini.

5. Borang tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenainya boleh diperolehi dengan menghubungi di talian +673 2388090 (Ibu Pejabat) / +673 2662810 (Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertanian), semasa waktu pejabat.

6. Lelongan sebut harga yang berjaya ini adalah dinilai berdasarkan harga tawaran yang tertinggi.

7. Borang tawaran sebut harga lelong hendaklah diisi dengan lengkap dan

dimasukkan ke Peti Sebut Harga di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Lapangan Terbang Lama Berakas, tidak lewat pada hari Rabu, 9 Mac 2016, jam 2.00 Petang dengan menggunakan sampul surat tertutup rapat (*sealed*) bagi setiap sebut harga dan tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.

8. Hanya penender yang berjaya dalam tawaran sebut harga akan dihubungi untuk tindakan selanjutnya.

9. Penender yang Berjaya **dikehendaki membayar secara tunai dan memindahkan barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari waktu bekerja** selepas dimaklumkan / pemberitahuan dan jika gagal menjelaskannya maka barangan berkenaan akan ditawarkan kepada penender yang lain.

10. Jika penender yang berjaya **GAGAL** memindahkan barangan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari waktu bekerja selepas membuat pembayaran, maka barangan berkenaan akan menjadi milik Jabatan dan Jabatan **BERHAK** untuk melelong semula barangan tersebut. Wang yang dijelaskan **TIDAK** akan dikembalikan.

BUTIR KETERANGAN



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

TAWARAN KANTIN KOLAM RENANG ANGGEREK DESA

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN hendaklah dihantar ke :

Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Tingkat 1
(Ruang masuk / Penyambut Tetamu)
Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan, BA1210

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup tawaran ialah pada **hari Selasa, 15 Mac 2016, jam 2.00 Petang** dan mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.

Tawaran hendaklah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang yang disediakan dan seterusnya dihantar dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi di mana pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran tanpa menunjukkan pengenalan syarikat / pembekal.

Dokumen-dokumen dan borang tawaran boleh diperolehi dari :

Unit Hasil

**Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas, BA1211
Negara Brunei Darussalam.**

Pada waktu-waktu bekerja dari **jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi** kecuali hari Sabtu hanya sehingga **10.30 Pagi sahaja**.



**JABATAN PERCETAKAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**TAWARAN BAGI
PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN
DALAMAN BANGUNAN
JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN**

**BILANGAN TAWARAN :
GP/ADM/2/05**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran dialamat yang tersebut di bawah **tidak lewat pada 7 Mac 2016, hari Isnin, jam : 2.00 Petang**.

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
JABATAN PERDANA MENTERI
Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri, Level 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan**

Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam dua (2) salinan dengan Borang Pengakuan Salinan Pendaftaran Perniagaan (*Business Registration*).

4. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan identiti penender dengan menulis di luar sampul surat berkenaan seperti berikut :

**BILANGAN TAWARAN :
GP/ADM/2/05**

**TAWARAN BAGI PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN
DALAMAN BANGUNAN
JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
TARIKH TUTUP : 7 MAC 2016**

5. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta hendaklah mendapatkan borang dan spesifikasi Perkhidmatan

Pembersihan Dalaman Bangunan Jabatan Percetakan Kerajaan di Jabatan Percetakan Kerajaan dan dikembalikan ke Jabatan Percetakan Kerajaan. Senarai kerja-kerja pembersihan dan pemeliharaan secara harian atau berkala dalam masa seminggu, sebulan dan sebagainya hendaklah dinyatakan.

6. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membayar yuran tawaran sebanyak **BND10.00 (tidak akan dikembalikan)** dan yuran dokumen sebanyak **BND5.00 (tidak akan dikembalikan)**. Yuran / dokumen dan pembayaran wang cagaran boleh didapati dan dibuat di Bay 1, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas pada bila-bila waktu pejabat dibuka.

7. Tawaran ini adalah bagi tempoh satu (1) tahun bermula dari kontrak perjanjian dipersetujui dan ditandatangani.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN**

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
JPKK/A/138 Q.14/2015
Tajuk Sebut Harga :
**MEMBEKALKAN 400 BUAH
KOTAK KERTAS SLIP GAJI 3-PLY
BAGI KEGUNAAN
JABATAN PERBENDAHARAAN**
Tarikh Tutup / Jam :
14 Mac 2016 (Isnin), 9.00 Pagi

Tempat menghantar Sebut Harga :
Peti Sebut Harga (*Quotation Box*)
Jabatan Perbendaharaan
Level 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive
Negara Brunei Darussalam.

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
JPKK/A/138 Q.15/2015
Tajuk Sebut Harga :
**MEMBEKALKAN 330 BUAH
KOTAK KERTAS KOMPUTER 1-PLY
BAGI KEGUNAAN
JABATAN PERBENDAHARAAN**
Tarikh Tutup / Jam :
14 Mac 2016 (Isnin), 9.00 Pagi

Tempat menghantar Sebut Harga :

Peti Sebut Harga (*Quotation Box*)
Jabatan Perbendaharaan
Level 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive
Negara Brunei Darussalam.

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
JPKK/A/138 Q.16/2015
Tajuk Sebut Harga :
**MEMBEKALKAN 5 BUAH
KOTAK RIBBON BAGI PRINTER
PRINTRONIX P8210 LINE MATRIX**
Tarikh Tutup / Jam :
14 Mac 2016 (Isnin), 9.00 Pagi

Tempat menghantar Sebut Harga :
Peti Sebut Harga (*Quotation Box*)
Jabatan Perbendaharaan
Level 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive
Negara Brunei Darussalam.

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
JPKK/A/138 Q.17/2015
Tajuk Sebut Harga :
**MEMBEKALKAN 10 BUAH
KOTAK KERTAS LETTERHEAD**

(CONQUEROR PAPER)

JABATAN PERBENDAHARAAN

Tarikh Tutup / Jam :

14 Mac 2016 (Isnin), 9.00 Pagi

**Tempat menghantar Sebut Harga :
Peti Sebut Harga (*Quotation Box*)**

**Jabatan Perbendaharaan
Level 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive
Negara Brunei Darussalam.**

Syarat-Syarat Penyertaan :

1. PEMOHON adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

3. Borang tawaran hendaklah disertakan salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup.

4. Setiap borang tawaran hendaklah diisi dengan lengkap dan dicop syarikat menggunakan dakwat BIRU sahaja.

5. Salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelop* menulis dengan jelas) **TAJUK & BILANGAN TAWARAN DAN TARIKH TUTUP** tanpa

membubuh sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemborong.

6. Borang tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN SEBUT HARGA JABATAN PERBENDAHARAAN** yang ditujukan kepada :

**PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUT HARGA
JABATAN PERBENDAHARAAN
TINGKAT 2, TOWER BLOCK
BANGUNAN KEMENTERIAN
KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

7. Tarikh Akhir Menghantar :
14 Mac 2016 (Isnin) sebelum jam 9.00 Pagi.

8. Setiap satu borang tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

9. Borang tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN.**

10. Borang-borang boleh diperolehi di **Unit Pentadbiran, Tingkat 2, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.**

11. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang-borang tawaran sebut harga Isnin hingga Khamis : 8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang, Sabtu : 8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi bolehlah diambil **Jabatan Perbendaharaan, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Kewangan pada waktu pejabat.**

Ternakan Udang Galah kolam air tawar tembusi pasaran tempatan

Oleh : Noriah Haji Abd Hamid dengan kerjasama
Syarikat Usaha Tani Deli Duman
Foto : Syarikat Usaha Tani Deli Duman

MENJELANG tahun 2035, Negara Brunei Darussalam bakal dikenali di seluruh dunia yang mempunyai ekonomi dinamik dan berdaya tahan sepertimana yang telah digariskan dalam Wawasan Brunei 2035. Ke arah mendukung matlamat tersebut, Sektor Perindustrian dan Perdagangan adalah antara sektor yang amat penting dalam usaha kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi negara agar tidak terlalu bergantung kepada Sektor Minyak & Gas. Perikanan adalah salah satu sub-sektor di dalam Sektor Perindustrian dan Perdagangan.

PERUSAHAAN TERNAKAN UDANG GALAH AIR TAWAR

Syarikat Usaha Tani Deli Duman (UTDD) merupakan salah sebuah syarikat tempatan pengusaha Udang Galah air tawar antara syarikat yang berani tampil dalam melibatkan diri menerajui aktiviti akuakultur sejak tahun 1993 lagi.

Bermula dengan sebuah kolam, pemilik syarikat ini, Awang Deli Duman telah memelihara ikan keli jenis African Catfish pada awal tahun 90-an kemudiannya ikan Tilapia, ikan Lampam Jawa dan ikan Komon Kap.

Syarikat UTDD yang terletak di Kampung Rampayoh, Labi, Ulu Belait mula memelihara Udang Galah pada tahun 2001 dan pada masa ini telah berjaya

mengusahakan enam buah kolam berukuran 3,325 meter persegi di atas tanah berkeluasan 2 ekar.

Penternakan Udang Galah di kolam air tawar bukannya perkara baru di rantau Asia, terutamanya di negara-negara ASEAN. Atas bimbingan nasihat dan bantuan dari segi fasiliti dari Jabatan Perikanan, telah mendorong syarikat ini untuk mengusahakan pemeliharaan Udang Galah di dalam kolam.

PENGETAHUAN TEKNIKAL PENTING

Udang Galah yang dipelihara di kolam ini adalah jenis *Macrobrachium Rosenbergii*. Ia mengambil masa empat ke lima bulan untuk membesar. Berat yang sesuai untuk dipasarkan ialah di antara 45 hingga 60 gram seekor. Makanan Udang Galah adalah daripada jenis pelet yang diimport dari luar negara dan berukuran 01, 02, 03 dan 04. Pemberian makanan kepada Udang Galah mengikut saiz udang itu sendiri kerana Udang Galah makan menggunakan sepitnya.

Kualiti air juga adalah penting bagi pemeliharaan Udang Galah di dalam kolam. Kualiti air dilihat dari segi pH nya, suhu, kandungan *nitrate*, ammonia dan kewujudan *dissolved oxygen* dan aeration yang mencukupi di dalam kolam tersebut. Bagi memastikan pengaliran air yang betul penggunaan *paddle wheel*



KOLAM Usaha Tani Deli Duman di Kampung Rampayoh, Labi.

juga penting agar Udang Galah cepat membesar.

Dalam hal ini, pengetahuan teknikal adalah penting bagi memastikan *survival rate* udang yang dihasilkan dalam masa lima bulan ia dibesarkan di dalam kolam. Selain dari itu, penggunaan *substrate* juga adalah perlu di dalam kolam bagi memastikan Udang Galah *survive* sewaktu ia *moulting* atau bertukar kulit. Setiap kali ia *moulting* Udang Galah akan membesar dan ketika itu ia perlu bergayut pada *substrate* sewaktu ia *hibernating*.

CABARAN

Selain daripada penjagaan ke atas kualiti air di kolam, kawalan dari segi musuh dan penyakit juga penting. Buaya, biawak dan burung adalah musuh yang sering mengganggu ternakan Udang Galah dan ini salah satu cabaran kepada syarikat ini.

Dalam hal ini, Jabatan Perikanan telah memberikan bantuan membuat pagar di sekeliling kolam. Jabatan Perikanan juga menyediakan *summersible pump* elektrik yang berkuasa tinggi bagi mengepam air dari Sungai Rampayoh. Selain dari bantuan tersebut bantuan seperti *paddle wheel* juga telah disumbangkan kepada syarikat ini.

KHIDMAT NASIHAT DAN LATIHAN

Syarikat ini bukan hanya diberikan bantuan seperti yang disebutkan tadi tetapi juga memberikan khidmat nasihat dan juga latihan untuk menjadi pengusaha yang berkemahiran tinggi. Pemilik syarikat ini telah berpeluang untuk mengikuti kursus di Binangonan, SEAFDEC Filipina khusus bagi latihan membiak Udang Galah pada bulan September 2015 yang lalu.

Syarikat UTDD telah membelanjakan lebih daripada BND120,000 bagi menyediakan infrastruktur seperti mengorek kolam, menyediakan tiang dan kabel elektrik, membina pejabat dan rumah pekerja dan lain-lain fasiliti yang diperlukan. Dengan bimbingan dan sokongan yang berterusan dari Jabatan Perikanan, syarikat ini akan terus berusaha bagi memenuhi visi dan misinya.



MENGUKUR saiz udang bagi memastikan saiz pelet makanan yang bersesuaian untuk diberikan kepada udang.



UDANG Galah dari Kolam UTDD.

PENGELUARAN UDANG GALAH SECARA KOMERSIAL

Syarikat ini bercita-cita untuk memperluaskan lagi pengeluaran Udang Galah secara komersial bagi memenuhi permintaan pasaran dalam negeri dan juga mengeksport keluar negeri pada masa akan datang. Syarikat ini telah membuat beberapa kali tuaian dari kolam-kolam Udang Galahnya dan

berjaya menembusi pasaran tempatan dan membekalkan kepada orang-orang perseorangan. Dalam usahanya untuk mencapai matlamat ini, syarikat UTDD akan mempunyai *hatchery* sendiri bagi menghasilkan benih atau anak Udang Galah. Ini akan dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran Udang Galah dan boleh menembusi pasaran antarabangsa serta menyahut hasrat kerajaan ke arah pembangunan perniagaan tempatan yang berdaya saing.



MELEPASKAN benih udang ke dalam kolam.

PPNBD terokai aspek kepengakapan dengan Pengakap Malaysia



YANG Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Dato Paduka Ar. Awang Haji Idris bin Haji Abas (dua, kiri) semasa hadir menyaksikan penandatanganan MoU tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 Februari - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) bekerjasama dengan Persekutuan Pengakap Malaysia Cawangan Negeri Sabah (PPMCN Sabah), Persekutuan Pengakap Malaysia Cawangan Negeri Sarawak (PPMCN Sarawak) dan Persekutuan Pengakap Malaysia Cawangan Negeri Wilayah

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

Persekutuan Labuan (PPMCNWP Labuan) bagi menggabungkan sumber yang ada dan yang bakal diperolehi melalui kepakaran dan kemahiran masing-masing untuk kepentingan bersama di dalam bidang yang diterokai bersama terutama di dalam aspek kepengakapan.

Sehubungan itu, PPNBD telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan PPMCN Sabah, PPMCN Sarawak serta PPMCNWP Labuan pada majlis yang berlangsung di Bilik Persidangan, Bangunan Ibu Pejabat PPNBD di Jalan Gadong yang dihadiri oleh Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Awang Haji Idris bin Haji Abas.

Di bawah MoU itu PPNBD dan PPMCN Sabah, PPMCN Sarawak serta PPMCNWP Labuan akan turut bekerjasama di dalam hal yang berkaitan latihan kepengakapan serta pertukaran program di bawah seliaan keempat-empat pihak yang terlibat, selain untuk merekodkan dasar-dasar persefahaman di antara keempat-empat pihak dan menyatakan

bidang-bidang kerjasama yang akan dilaksanakan.

Objektif MoU adalah untuk mengadakan kerjasama dalam aspek pertukaran pelajar dan pemimpin dari PPNBD dan PPMCN Sabah, PPMCN Sarawak serta PPMCNWP Labuan.

Mengadakan kerjasama di dalam program latihan kepengakapan dan program pembangunan modal insan serta untuk mengadakan pelbagai program yang berkaitan kepengakapan atau di luar bidang kepengakapan yang dipersetujui oleh keempat-empat pihak bagi tujuan untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan ahli dan pemimpin pengakap masing-masing.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mengadakan usaha sama dalam bentuk pertukaran program dewasa atau pelajar dalam kalangan PPNBD dan PPMCN Sabah, PPMCN Sarawak serta PPMCNWP Labuan bagi tujuan meningkatkan kemajuan, kemahiran dan pembangunan kepengakapan dalam kalangan pihak-pihak yang terlibat.

Selain untuk mengadakan usaha sama dalam bentuk perkongsian maklumat dan pendedahan di dalam bidang kepengakapan yang dijangka akan dapat memberikan manfaat kepada PPNBD dan PPMCN Sabah, PPMCN Sarawak serta PPMCNWP Labuan.

Turut hadir ialah Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali; Naib-Naib Yang Dipertua, Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Setiausaha Agung PPNBD, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap, Pesuruhjaya Pengakap Daerah, Ketua Pegawai Eksekutif Pengakap, Pegawai Eksekutif Pengakap, pemimpin-pemimpin pengakap dan penolong-penolong pemimpin pengakap.

Manakala dari pihak Persekutuan Pengakap Malaysia diwakili oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara Persekutuan Pengakap Malaysia merangkap Ketua Pesuruhjaya PPMCN Sabah, Datuk Dr. Awang Zaini bin Haji Suntim; Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPMCN Sarawak, Awang Haji Mohamed Said bin Haji Bolhassan dan Ketua Pesuruhjaya PPMCNWP Labuan, Hong Heng Chee serta pesuruhjaya-pesuruhjaya pengakap dari ketiga-tiga negeri tersebut.



KURSUS Latihan Permulaan Bagi Pemimpin Pengakap dan Penolong Pemimpin Pasukan Pengakap mengandungi tiga sesi latihan asas.

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Februari. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) menerusi Pasukan Latihan Pengakap Kebangsaan telah mengadakan Kursus Latihan Permulaan bagi Pemimpin Pengakap dan Penolong Pemimpin Pasukan Pengakap baru dilantik oleh pengetua dan guru besar di sekolah menengah dan sekolah rendah serta institut pengajian tinggi swasta.

Kursus mengandungi tiga sesi latihan asas yang perlu dihadiri oleh pemimpin pengakap dan penolong pemimpin pengakap sebelum mereka mengikuti Kursus Penerangan Am yang akan diadakan pada 6 Mac 2016 nanti.

Seramai 30 pemimpin pengakap dan penolong pemimpin pengakap yang baru dilantik menghadiri sesi latihan asas yang dikendalikan oleh Pesuruhjaya Latihan, Awang Junaidi



SERAMAI 30 pemimpin pengakap dan penolong pemimpin pengakap baru dilantik menghadiri sesi latihan asas berkenaan.

Latihan Permulaan Pengakap

bin Haji Hussin; Setiausaha Pasukan Latihan Pengakap Kebangsaan / Pegawai Eksekutif Pengakap, Awang Zainudin bin Haji Ishak; Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Pengakap Tunas, Dayang Hajah

Noraini binti Haji Saidi, Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Perempuan.

Kursus antara lain bertujuan bagi membantu dan melatih pemimpin dan penolong pemimpin pasukan

pengakap yang terdiri daripada guru-guru yang baru dilantik untuk memudahkan mereka di dalam menguruskan pentadbiran dan kegiatan di dalam pasukan pengakap masing-masing.

Program keagamaan lahirkan akidah, akhlak mulia



BACAAN Doa 'Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam' dibaca oleh Awang Md. Samsul Bahrin bin Haji Suhaili.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Sabtu, 27 Februari. - Seramai 90 murid Darjah 4, 5 dan 6, Sekolah Agama Perdana Wazir mengikuti Program Keagamaan Senegara bagi Persekolahan Arab dan Agama Bulan Februari yang bertemakan 'Melahirkan Generasi Berwawasan Pencinta Al-Quran', di sini.

Bertepatan dengan tema Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 tahun ini, 'Generasi Berwawasan', salah satu usaha untuk melahirkan 'Generasi

Berwawasan Pencinta Al-Quran' telah menjadi tema program keagamaan senegara tahun ini dalam mencorak generasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Jabatan Pengajian Islam sememangnya mempunyai usaha mencorakkan masa depan anak-anak berteraskan Al-Quran sejak tertubuhnya sekolah-sekolah Arab dan agama di Negara Brunei Darussalam.

Pendidikan berteraskan Al-Quran dengan didikan supaya mencintai

Al-Quran yang bermula sejak kecil mampu menjamin akidah pelajar-pelajar dari terseleweng atau terpedaya dengan pelbagai dakyah masa kini dan menghindari pelajar-pelajar tergelincir daripada landasan Islam yang sebenarnya.

Program Keagamaan Senegara itu bermula jam 8.00 pagi bagi semua sekolah Arab dan jam 2.00 petang bagi semua sekolah agama seluruh negara.

Tazkirah bertajuk 'Generasi Berwawasan Pencinta Al-Quran' disampaikan oleh Dayang Roslina binti Haji Timbang, manakala bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Awang Haji Husaini Haji Abd. Hamid, sementara Doa 'Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam' dibacakan oleh Awang Md. Samsul Bahrin bin Haji Suhaili.

Program tersebut diadakan untuk merealisasikan Rancangan Strategik Jabatan Pengajian Islam, iaitu meningkatkan peratus pelajar yang mengikuti aktiviti kokurikulum di Sekolah Arab dan Agama.

Meningkatkan keberkesanan program kokurikulum, di samping melahirkan akidah yang kukuh dan akhlak yang mulia melalui program pendidikan kokurikulum, melibatkan semua pelajar mengikut program penghayatan beragama.

Program itu juga merupakan kegiatan bulanan di sepanjang tahun yang akan diteruskan di antara sekolah-sekolah agama yang terlibat bagi bulan Februari ini. Selain Sekolah Agama Perdana Wazir, Kuala Belait, Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan; Sekolah Agama Sungai Besar, Brunei II B; Sekolah Agama Tempuan Telisai, Tutong dan Sekolah Agama Selangan, Temburong juga akan terlibat sama dalam program ini.

Perasmian Sukan Tahunan, Hari Usrah UNISSA

**Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

GADONG, Ahad, 28 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Majlis Perasmian Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA di Padang dan Belapan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis ini juga dihadiri oleh Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Penolong Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad; pegawai-pegawai utama UNISSA, dekan-dekan, timbalan dekan, para pensyarah, kakitangan, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Awang Muhammad Anas bin Abdul Aziz, selaku Pengerusi Exco Unit Sukan & Logistik, MPP UNISSA.

Seterusnya, tetamu kehormat dibawa beramah mesra dengan ahli-ahli rumah sukan yang terdiri daripada Rumah Al-'Abqoriyyun, Rumah Al-Mufakkirun, Rumah Al-Mujtahidun dan Rumah As-Syatirun sebagai tanda bermulanya Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2016.

Antara objektif Sukan Tahunan tersebut adalah sebagai wadah untuk mengintensifkan kegiatan ko-kurikulum dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi UNISSA, di samping dapat memupuk kemesraan dan ukhuwah serta kerjasama dan semangat berpasukan di antara ahli-ahli rumah sukan. Begitu juga, dengan adanya Sukan Tahunan ini juga akan dapat melahirkan belia



REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal bersama warga UNISSA bergambar ramai pada Majlis Perasmian Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA yang berlangsung di Padang dan Belapan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong.

yang bijak dalam akademik dan aktif dalam kegiatan sukan.

Atur cara pada hari tersebut diteruskan dengan pertandingan acara padang dan belapan melibatkan mahasiswa, pensyarah dan kakitangan bahagian lelaki dan diselenggarakan dengan penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Upacara Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA akan berjalan terus selama satu bulan yang juga akan melibatkan peserta mahasiswi, pensyarah dan kakitangan bahagian perempuan seperti permainan Handball, Volleyball dan Tennis.

Majlis Penutup Bagi Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA ini dijangka akan berlangsung pada 27 Mac 2016.

Penyelidikan hydrografi di Sungai Brunei

Siaran Akhbar : Jabatan Laut

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Jabatan Laut sekali lagi memaklumkan kepada pelaut-pelaut bahawa kerja-kerja penyelidikan hydrografi telah mula dijalankan pada 26 Februari 2016 sehingga 8 Julai 2016 bagi pelaksanaan Projek Revilitasi Kampong Ayer di Zone 'A' dari Kampung Sungai Kedayan sehingga ke Kuala Sungai di Jambatan Edinburgh.

Kerja-kerja tersebut yang dilaksanakan oleh Jabatan Saliran dan Pembetulan, Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan (Syarikat LSL Sdn. Bhd. dan Syarikat Kayamas Maju Sdn. Bhd.), Negara Brunei Darussalam akan menyebabkan pembatasan kepada keselamatan pelayaran.

Kawasan yang terlibat ialah :
Kawasan 1. Datum WGS 84 04° 53' 03.46" N dan 114° 56' 15.21" E;
Kawasan 2. Datum WGS 84 04° 53' 09.16" N dan 114° 56' 25.15" E;
Kawasan 3. Datum WGS 84 04° 53' 36.30" N dan 114° 56' 05.54" E;
Kawasan 4. Datum WGS 84 04° 53' 33.97" N dan 114° 56' 05.41" E;
Kawasan 5. Datum WGS 84 04° 53' 06.18" N dan 114° 56' 26.32" E;
Kawasan 6. Datum WGS 84 04° 53' 34.89" N dan 114° 56' 07.35" E.

Kerja-kerja penyelidikan hydrografi akan dilaksanakan pada waktu siang dengan menggunakan bot Garuda (BP 1460) dengan menggunakan peralatan Single Beam Echo Sounder di sepanjang penyelidikan tersebut untuk kajian *bathymetric* dasar laut.

Sehubungan itu, pelaut-pelaut terutamanya kepada para nelayan tempatan adalah diingatkan supaya tidak memasuki ataupun berlabuh di

mana-mana lokasi serta di sekeliling perairannya bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Para pelaut juga diperingatkan dan dikehendaki untuk menjauhi zon kawasan kerja dan jika mereka berada di sekitar kawasan tapak kerja tersebut mereka dinasihatkan supaya mengekalkan langkah sentiasa berwaspada serta lebih berhati-hati apabila berlayar di kawasan tersebut.

Pihak Jabatan Saliran dan Pembetulan, JKR, Kementerian Pembangunan (Syarikat LSL Sdn. Bhd. dan Syarikat Kayamas Sdn. Bhd.), Negara Brunei Darussalam akan sentiasa memantau perjalanan operasi tersebut.

Maklumat lanjut mengenainya bolehlah menghubungi ArulChothy (Pengurus Projek) melalui talian +673 873 3889, sementara kepada mereka yang berkepentingan bolehlah merujuk peta laut : BA 2134.

Kelas Tuisyen PIP YSHHB dilaratkan ke Daerah Temburong

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Rabu, 2 Mac. - Program 'Intervention' Pendidikan (PIP) dihasratkan untuk membawa impak bermakna kepada kehidupan rakyat dan penduduk negara ini melalui kejayaan dalam pendidikan.

Setelah 10 tahun pelaksanaannya dengan mengadakan kelas-kelas tuisyen, program yang dikendalikan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) kini dilaratkan ke Daerah Temburong dengan Pusat PIP Pertama di Sekolah Rendah (SR) Rataie Mukim Bokok.

Taklimat / penerangan mengenai tatacara Projek Kelas Tuisyen PIP YSHHB telah diadakan di Dewan SR Rataie Mukim Bokok, disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah dan Ketua Kluster 4,

Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi.

Beliau antara lain menjelaskan tentang sejarah dan matlamat PIP YSHHB serta peningkatan akademik para pelajar yang mengikuti Projek Kelas Tuisyen PIP YSHHB.

Katanya, dari tahun 2008 hingga 2015, terdapat seramai 25 pelajar tuisyen telah menerima biasiswa khas untuk melanjutkan pelajaran ke Sekolah YSHHB yang mana para penerima biasiswa tersebut tergolong dari peserta Tahun 6 yang telah mendapat keputusan cemerlang dalam PSR.

Hadir mendengarkan taklimat ialah para ibu bapa / penjaga dan pelajar-pelajar sekolah-sekolah rendah di daerah ini yang terlibat dalam

program berkenaan.

Majlis diteruskan dengan ceramah motivasi oleh Pemangku Penolong Pengarah, Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Ghafor yang juga Ketua Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Terdahulu, Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, program intervensi di Pusat PIP adalah berbentuk integrasi khidmat kelas bimbingan, ulang kaji, pengukuhan, pemulihan, remedial dan kaunseling.

Pada tahun ini juga jelasnya lagi, Jawatankuasa Kerja PIP telah memulakan beberapa inisiatif baharu demi memastikan PIP mencapai objektifnya dan kekal relevan.

"Antara inisiatif baharu ini ialah menyediakan program pengayaan (*enrichment programs*), program kem motivasi serta program pembelajaran *experiential* yang akan dikendalikan di luar bilik kelas," katanya.

Awang Haji Ibrahim seterusnya menjelaskan, program dan pengalaman pembelajaran sedemikian dihasratkan untuk membolehkan pelajar-pelajar PIP membina pelbagai kemahiran belajar, kemahiran



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail menyampaikan sumbangan peralatan tuisyen kepada para pelajar yang menyertai Projek Kelas Tuisyen Program 'Intervention' Pendidikan (PIP) YSHHB.

kepemimpinan, membina nilai diri (*selfworth*), keyakinan serta rasa bertanggungjawab agar para pelajar bukan saja terdidik dalam bidang akademik malahan juga terbentuk dari segi sahsiah dan keroohanian.

Pada majlis itu, Awang Haji Ibrahim juga menyempurnakan penyampaian

sumbangan peralatan tuisyen kepada 43 pelajar yang menyertai Projek Kelas Tuisyen PIP, terdiri daripada para pelajar lima buah sekolah rendah di daerah ini.

Para pelajar berkenaan akan memulakan kelas tuisyen mereka bermula 7 Mac nanti pada setiap malam Isnin dan Selasa.

**PELITA BRUNEI BOLEH DIBACA SETIAP HARI
MELALUI LAMAN SESAWANG :**

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA TERKINI.

MMN - LIPATGANDAKAN USAHA DALAM MEMEDULI PERMASALAHAN RAKYAT

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.